



1

# Seni Teater


SEKOLAH SENI MALAYSIA

Tingkatan 1

Seni Teater SEKOLAH SENI MALAYSIA Tingkatan 1



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA





# **RUKUN NEGARA**

**Bahwasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan

seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

# SENI TEATER

## Tingkatan 1 SEKOLAH SENI MALAYSIA

### BUKU TEKS

#### PENULIS

Halimi bin Mohamed Noh  
Hamzah bin Mohamed Tahir  
Mohamad Fairul bin Rashid

#### EDITOR

Ja'afar bin Hamdan

#### PEREKA BENTUK

Sa'adiah binti Ramli

#### ILUSTRATOR

Mohd Hisham bin Alias



Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2016



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

No. Siri Buku: 0088

KK 792-221-0102011-49-1130-30101

ISBN 978-983-49-1130-0

Cetakan Pertama 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara bahan elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
Telefon: 03-2147 9000 (8 talian)  
Faksimile: 03-2147 9643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Times New Roman  
Saiz Taip Teks: 12 poin

Dicetak oleh:  
Karisma Production Sdn. Bhd.  
Lot 1314 Kampung Lembah Kinrara,  
Batu 8 1/2 Jalan Puchong,  
Puchong Jaya, 47100 Puchong,  
Selangor Darul Ehsan.

## Penghargaan

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Pegawai Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia,
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Kementerian Pendidikan Malaysia,
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia,
- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, ASWARA,
- Bidang Teater, Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur,
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kuala Lumpur,
- Istana Budaya, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Kuala Lumpur,
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Editor Pembaca Pruf, Dewan Bahasa dan Pustaka,

# Kandungan

Pendahuluan  
Objektif Pembelajaran  
Standard Pembelajaran

iv  
viii  
x

## Bidang Lakonan

UNIT 1: Asas Lakon	1
UNIT 2: Improvisasi	29
UNIT 3: <i>Blocking</i>	55
UNIT 4: Etika dalam Lakonan	63

## Bidang Penulisan Skrip

UNIT 5: Cerita Pendek	73
-----------------------	----

## Bidang Sinografi

UNIT 6: Kostum dan Tatarias	83
-----------------------------	----

## Bidang Apresiasi

UNIT 7: Apresiasi Teater	99
UNIT 8: Apresiasi Teater Tradisional Bangsawan	109

# Pendahuluan

Buku teks *Seni Teater Tingkatan 1* ditulis untuk memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), khususnya sebagai bahan kegunaan murid Sekolah Seni Malaysia (SSeM).

Penulisan dalam buku teks ini dimulakan dengan memperkenalkan empat bidang yang kemudiannya dibahagikan kepada lapan unit sebagai elemen yang mendukung persembahan teater. Bidang pertama ialah bidang lakonan yang terbahagi kepada empat unit, iaitu Unit Asas Lakon sebagai teras untuk memahami asas lakon. Unit Improvisasi sebagai teras mempelbagaikan keupayaan berfikir dalam konteks lakonan. Unit *Blocking*, sebagai teras untuk memahami kedudukan di atas pentas dan Unit Etika dalam Lakonan sebagai teras untuk membina nilai-nilai murni dalam kalangan murid menerusi pendisiplinan.

Bidang kedua ialah bidang penulisan skrip yang mempunyai Unit Cerita Pendek. Unit ini adalah sebagai teras untuk mengenali penulisan cerita secara asas. Bidang ketiga ialah bidang sinografi yang mempunyai Unit Kostum dan Tatarias. Unit ini adalah sebagai teras untuk mengetahui rekaan kostum berdasarkan watak dan asas solekan sebagai asas tatarias. Bidang keempat ialah bidang apresiasi yang mempunyai Unit Apresiasi Teater yang menjadi teras untuk mengetahui inti pati sebuah teater, manakala Unit Apresiasi Teater Tradisional Bangsawan pula menjadi teras untuk mengetahui ciri-ciri bangsawan.

Kandungan buku ini seterusnya dipersembahkan dalam bentuk teks yang disulami dengan ilustrasi seperti foto, peta pemikiran dan rajah yang mudah difahami dan diikuti selaras dengan kaedah pengenalan asas teater. Kaitan teks dan ilustrasi dibina untuk menimbulkan keinginan murid bagi mengaplikasikannya dalam pembelajaran.

Bentuk kandungan buku ini diharapkan dapat dijadikan sebagai maklumat awal persediaan untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran Abad ke-21 yang memberikan fokus kepada kemahiran berfikir, kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni melalui aktiviti, latihan, perbincangan, dan tugas.

Kandungan buku teks ini juga dapat menjadikan pembelajaran seni teater lebih menarik kerana aktiviti yang dijalankan tidak hanya tertumpu di bilik darjah semata-mata. Murid juga akan didedahkan dengan pengalaman menonton teater yang sebenar sama ada di dalam auditorium ataupun melalui rakaman. Untuk mempertingkatkan kefahaman tentang seni teater, pendekatan yang digunakan dalam buku teks ini dimulakan dengan pengetahuan awal tentang topik pada setiap unit. Selepas

itu, murid akan melakukan aktiviti ‘Teguh Minda’ secara amali sebagai mengukuhkan kefahaman tentang topik yang dipelajari. Murid seterusnya dapat memperkaya bakat mereka melalui input tambahan dalam aktiviti yang dinamakan sebagai ‘Minda Bestari’. Sekiranya terdapat murid yang tidak dapat menguasai sesuatu topik yang dipelajari, aktiviti yang dikenali dengan ‘Asah Minda’ akan dapat membantu mereka untuk pemuliharan kefahaman. Setiap topik yang dipelajari akan disusuli dengan soalan berbentuk formatif yang dikenali sebagai ‘Latih Minda’. Pada akhir setiap bidang, rumusan disediakan dan murid pula dikehendaki menjawab soalan sumatif yang dikenali sebagai ‘Anjakan Minda’.

Yang berikut ialah ikon-ikon yang digunakan dalam buku teks ini.



Kata Kunci

Perkataan bermaklumat untuk menunjukkan isi dalam pembelajaran.



Unit

Lambang untuk memulakan topik dalam setiap unit.



Teguh Minda

Aktiviti di dalam kelas untuk mengukur kefahaman murid terhadap konsep setiap unit.



Minda Bestari

Aktiviti di dalam kelas sebagai nilai tambah untuk murid mempertingkatkan kefahaman dalam konsep pembelajaran.




Asah Minda

Aktiviti di dalam kelas untuk membantu murid yang sukar memahami konsep pembelajaran.



Latih Minda

Soalan latihan untuk menilai kefahaman murid dalam setiap unit.

- 
- Anjakan Minda**
- Soalan berbentuk sumatif untuk menilai kemampuan murid pada akhir pembelajaran setiap bidang.
- Cerah Minda**
- Maklumat tambahan untuk memperkaya pengetahuan murid dalam teater.
- KBAT**
- Keupayaan murid berfikir secara inovatif, kritis, kreatif, penaakulan, dan berstrategi.
- Rujuk DVD**
- Rujukan tambahan yang disediakan dalam DVD.
- Nota Guru**
- Arahan kepada guru dalam pengajaran.
- Rumusan**
- Rumusan pada setiap bidang.
- Imbas Saya**
- Kod QR sebagai memperkaya maklumat kepada murid untuk memahami konsep pembelajaran yang boleh dilayari di laman web yang dicadangkan.

Buku teks *Seni Teater Tingkatan 1* ini merupakan pembuka tirai pengajaran dan pembelajaran teater dalam KSSM peringkat menengah rendah di Sekolah Seni Malaysia. Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang terkandung di dalam buku ini, murid akan dapat mempertingkatkan pemikiran kritis, inovatif, berdaya tahan, bekerja dalam satu pasukan, mampu membuat penaakulan, dan boleh memamerkan kelangsungan perasaan cinta akan negara.

# Seni Teater Sekolah Seni

KSSM Seni Teater Menengah Rendah merupakan program pembelajaran tiga tahun persekolahan, iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga di Sekolah Seni Malaysia (SSeM). Kurikulum ini digubal dengan memberi penumpuan kepada perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif dalam aktiviti berteater.

Teater merupakan cabang seni yang memberikan fokus kepada penzahiran tingkah laku manusia yang melibatkan aspek fizikal, mental, emosi, sosial, dan estetik yang begitu rapat dalam kehidupan. Menerusi teater, murid belajar memahami persekitaran mereka dan berkomunikasi menerusi bahasa dan gestura.

Dalam aspek lakonan, murid akan dibimbing untuk memainkan pelbagai peranan. Murid akan memainkan peranan mengikut interpretasi watak atau situasi yang dihayati. Kebolehan membawa watak yang diberi akan menyemai keyakinan kepada mereka tentang potensi bakat yang mereka ada dan seterusnya akan menyediakan mereka untuk menghadapi pelbagai cabaran. Dalam erti kata lain, pengalaman belajar melalui aktiviti teater akan memberi murid *avenue* untuk menggunakan fikiran beraras tinggi dan seterusnya bersedia untuk menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan. KSSM Seni Teater menyediakan peluang kepada murid untuk berintegrasi dengan elemen seni yang lain seperti tarian, muzik dan seni visual. Kurikulum Seni Teater dibina dengan memberi tumpuan kepada empat bidang kurikulum iaitu lakonan, penulisan skrip, sinografi, dan apresiasi teater.



# OBJEKTIF PEMBELAJARAN

## BIDANG LAKONAN

Berdasarkan objektif pembelajaran bidang lakonan, murid dapat:

- Membina watak dengan kemahiran asas lakon;
- Mengimprovisasi watak dan perwatakan dalam lakonan secara berkumpulan;
- Mengaplikasikan prinsip asas *blocking* dalam lakonan; dan
- Mengamalkan nilai-nilai murni dalam aktiviti teater.



### KATA KUNCI

- Aksi, Olah, Fizikal, Vokal, Mental, Emosi, Spontan, *Blocking*, Etika

## BIDANG PENULISAN SKRIP

Berdasarkan objektif pembelajaran bidang penulisan skrip, murid dapat:

- Menulis cerita pendek dengan menggabungkan aksi dan dialog.



### KATA KUNCI

- Dialog, Plot, Arahian Pentas



## BIDANG SINOGRAFI

Berdasarkan objektif pembelajaran bidang sinografi, murid dapat:

- Menghasilkan portfolio sinografi bagi aspek kostum dan tatarias berdasarkan skrip.



### KATA KUNCI

- Sinografi, Artistik, Kostum, Tatarias

### KERJAYA

- Ahli Akademik
- Pendidik/Guru
- Pegawai Kebudayaan
- Artis Budaya
- Pelakon
- Penulis Skrip
- Pengarah Teater
- Pereka Kostum dan Tatarias
- Perunding Imej
- Jurusolek Profesional
- Pengkritik
- Jurulatih Lakon

## BIDANG APRESIASI

Berdasarkan objektif pembelajaran bidang apresiasi, murid dapat:

- Membuat ulasan dan penilaian bagi aspek jalan cerita, watak dan perwatakan, mesej serta pengajaran dalam persembahan teater yang ditonton; dan
- Membentangkan ciri-ciri umum tentang persembahan teater bangsawan.



### KATA KUNCI

- Apresiasi, Bangsawan, Tasmat

## STANDARD PEMBELAJARAN

### 1.1 Melakonkan pelbagai watak

Murid boleh:

#### 1.1.1 Membina watak berdasarkan kemahiran asas lakon

- i. Fizikal
- ii. Vokal
- iii. Mental dan Emosi
- iv. Unsur Teater
  - a. Pelakon
  - b. Ruang
  - c. Mesej
  - d. Skrip
  - e. Penonton
  - f. Gabungan pelbagai seni

#### 1.1.2 Mengimprovisasikan watak dan perwatakan dalam lakonan secara berkumpulan dengan

- i. Menggunakan rangka cerita
- ii. Menggunakan bunyi dan muzik
- iii. Menggunakan objek
- iv. Mengaplikasikan unsur lakonan:
  - a. Ruang
  - b. Watak
  - c. Situasi
  - d. Gerak
  - e. Vokal

#### 1.1.3 Mengaplikasikan *blocking* dalam lakonan yang melibatkan

- i. Ruang
- ii. Susun atur/pola lantai
- iii. Letak tubuh

#### 1.1.4 Mengamalkan nilai-nilai murni dalam aktiviti lakonan

- i. Etika pelakon sebelum, semasa dan selepas persembahan

### 2.1 Penghasilan skrip

Murid boleh:

#### 2.1.1 Menulis cerita pendek yang mempunyai

- i. Idea cerita
- ii. Pembinaan cerita
  - a. Awal
  - b. Tengah
  - c. Akhir
- iii. Teknik menulis
  - a. Plot
  - b. Bentuk naratif
  - c. Gaya bahasa

### 3.1 Sinografi dalam produksi

Murid boleh:

#### 3.1.1 Menghasilkan portfolio sinografi berdasarkan skrip yang memfokuskan

- i. Kostum
- ii. Tatarias

### 4.1 Menghayati nilai estetika dalam persembahan teater

Murid boleh:

#### 4.1.1 Membuat ulasan persembahan teater yang ditonton dengan cara

- i. Menulis ulasan berdasarkan:
  - a. Jalan cerita
  - b. Watak dan perwatakan
  - c. Mesej dan pengajaran

#### 4.1.2 Menghuraikan bentuk teater tradisional bangsawan dari aspek

- i. Ciri-ciri bangsawan



# UNIT 1

# Asas Lakon

## 1.1 Pengenalan

Asas lakon ialah perlakuan meniru sesuatu aksi seperti manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Seseorang pelakon akan meniru aksi orang lain seperti gaya berpakaian, bercakap dan cara berjalan. Aksi ini dinamakan sebagai perwatakan sesuatu watak. Lakonan akan berjaya sekiranya pelakon dapat membina watak sama seperti perwatakan yang ditiruny.



### Cerah Minda

Lakon merupakan proses lakonan cerita yang dipentaskan. Lakonan pula ialah perihal memainkan aksi dalam sesuatu drama.

Aksi ialah tingkah laku, sikap atau gerak-geri.

*Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat*

Peta bulatan: Asas lakon.

### OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat:

- Membuat peniruan watak;
- Menjelaskan fungsi fizikal dan vokal dalam lakonan;
- Mengenal pasti fungsi mental dan emosi dalam mempengaruhi vokal dan fizikal; dan
- Mengenali unsur-unsur teater dalam lakonan.

## 1.1.1 Anda Sebenarnya Pelakon

### A. Tiru Manusia

Tanpa kita sedar, perlakuan meniru aksi pernah kita buat sewaktu zaman kanak-kanak hingga ke hari ini. Sejak kecil lagi kita sudah berlakon. Seperti dalam permainan kanak-kanak, kita meniru untuk menjadi orang dewasa, seperti seorang ayah, ibu, polis, seekor haiwan dan sebagainya. Aksi yang ditiru boleh digayakan dalam pelbagai gerak dan sebagainya.



Kita selalu menonton cerita tentang wira yang gagah perkasa. Kita akan meniru aksi seorang wira.



Kita juga peminat sukan. Kita akan meniru gaya idola tertentu.



Kita bercita-cita menjadi guru. Kita akan meniru aksi dan gaya kerjaya seorang guru.



Anda tentu pernah meniru gaya orang lain yang anda suka, minat dan sanjungi. Mari kongsikan pengalaman anda itu bersama-sama.



2

Guru diminta mengadakan sesi perbincangan dalam kalangan murid tentang pengalaman peniruan aksi manusia. Kemudian guru meminta murid menceritakannya sebagai aktiviti sumbang saran.

1.1.1

## B. Tiru Haiwan

Selain aksi meniru manusia, kita juga boleh menggayaakan aksi haiwan. Peniruan aksi haiwan melibatkan gaya haiwan berjalan, berbunyi, makan dan sebagainya.



Meniru gaya manja seekor kucing



Meniru gaya nakal seekor monyet




Meniru gaya marah seekor harimau



## C. Tiru Tumbuhan

Gaya tumbuh-tumbuhan juga boleh ditiru aksinya. Namun, meniru aksi tumbuh-tumbuhan memerlukan imaginasi untuk menggayaakannya.



Meniru gaya proses bunga mawar yang sedang berkembang



1.1.1



Guru diminta mengenal pasti sumber alam lain untuk ditiru aksinya oleh murid. Rakam aksi tersebut dalam kamera digital. Tonton semula rakaman tersebut dan buat perbincangan tentang aksi meniru berkenaan.

## 1.1.2 Persiapan Seorang Pelakon

Untuk menjadi seorang pelakon pentas, anda perlu membina watak melalui beberapa proses sebagai persiapan sebelum beraksi. Proses yang paling utama ialah melakukan aktiviti fizikal dan vokal. Aktiviti ini wajib dilakukan sebelum memulakan siri latihan lakonan sehingga lakonan itu dipentaskan. Aktiviti ini dimulakan dengan latihan memanaskan badan. Dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *warming up*. Tujuan aktiviti ini adalah untuk membantu penampilan fizikal, di samping mewujudkan semangat kerja secara berkumpulan.

Adakah anda sudah bersedia? Ayuh, mari kita mulakan.

### AKTIVITI FIZIKAL DAN VOKAL

#### Bersedia.

Berdiri dalam bulatan dengan memakai pakaian yang sesuai untuk memudahkan pergerakan.



2

#### Kenali Tubuh.

Menyentuh dan menamakan keseluruhan tubuh bermula dari kepala hingga ke kaki secara berdiri.

Rujuk video olah tubuh.mp4.



1.1.1



4

Guru diminta membimbing murid untuk melakukan aktiviti fizikal dan vokal. Guru disarankan untuk mengadakan aktiviti memperkenalkan diri murid sebelum melakukan aktiviti ini.

3

### Olah Tubuh.

Menggerakkan seluruh anggota tubuh secara regangan otot.



4

### Pernafasan dan Olah Suara.

Latihan pernafasan untuk mengeluarkan suara yang jelas dan terang.

5

### Permainan Teater.

Terdapat pelbagai bentuk permainan yang boleh digunakan. Setiap permainan teater mempunyai tujuan yang tersendiri seperti membina fokus, membina ketahanan mental, menguji tahap fizikal, dan membentuk kerja berkumpulan.



Saya

5



## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.

1. Lakonan merupakan kerja seni yang melibatkan perlakuan .
  - A. imaginasi
  - B. meniru aksi
  - C. permainan teater
  - D. memanaskan badan
2. Lakonan dianggap berjaya sekiranya dapat membentuk watak .
  - A. beraksi berlebih-lebihan
  - B. sama seperti diri pelakon
  - C. tidak sama seperti yang ditiru
  - D. sama seperti perwatakan yang ditiru
3. Aktiviti ini tidak termasuk dalam sesi aktiviti fizikal dan vokal.
  - A. Berenang
  - B. Regangan
  - C. Permainan teater
  - D. Pernafasan dan vokal
4. Tujuan  adalah untuk mempertingkatkan keyakinan diri dan kumpulan.
  - A. vokal
  - B. berdialog
  - C. pernafasan
  - D. olah tubuh
5. Apakah tujuan utama murid melakukan aktiviti fizikal dan vokal sebelum bermulanya latihan lakon?
  - A. Menghindari kecederaan otot
  - B. Membentuk keyakinan diri
  - C. Menghilangkan tekanan
  - D. Penghayatan watak


## 1.2

## Membina Watak

Watak merupakan unsur paling penting dalam teater. Pelakon harus membina watak untuk memperlihatkan ciri-ciri perwatakan seperti sifat dan sikap tokoh yang didukungnya. Terdapat empat elemen penting dalam membina watak.

- 1.2.1 Fizikal
- 1.2.2 Vokal
- 1.2.3 Mental dan emosi
- 1.2.4 Unsur-unsur teater

Berdasarkan Rajah contoh proses membina watak di bawah, seseorang yang masih muda diberi watak seorang tua harus memahami elemen fizikal, emosi dan disesuaikan dengan unsur-unsur visual dan audio untuk memperlihatkan watak berkenaan.



Rajah contoh proses membina watak.



### Cerah Minda

Pelakon menggunakan orang tua sebenar sebagai sumber untuk memahami sifat dan tingkah laku watak.

1.1.1



Guru diminta menerangkan elemen-elemen yang membina watak kepada murid, dengan melakukan eksplorasi pelbagai contoh watak orang tua.

## 1.2.1 Fizikal

Elemen fizikal meliputi penggunaan fungsi pancaindera dan tubuh dalam aksi lakonan. Pelakon menggunakan elemen fizikal untuk menunjukkan perlakuan terhadap aksi berdasarkan situasi. Aksi ditunjukkan berasaskan situasi pelakon itu berada. Pelakon perlu sedar serta tahu peranan setiap anggota tubuh dalam situasi tertentu.

### PANCAINDERA

- lihat
- dengar
- bau
- sentuh
- rasa

### TUBUH

- muka
- kepala
- bahu
- kaki
- tangan



### Cerah Minda

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pancaindera merupakan deria atau alat perasa yang lima. Pancaindera digunakan secara maksimum bagi membantu watak untuk memberi reaksi dalam bentuk ekspresi wajah dan tubuh.

### Cerah Minda

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tubuh merupakan jasad atau badan yang kelihatan. Penggunaan keseluruhan anggota tubuh bertujuan untuk menampilkkan aksi.

### Imbas Tubuh

Adakah anda sudah faham tentang tajuk ini? Mari kita mencuba aktiviti imbas tubuh yang bertujuan membantu murid memahami fungsi setiap unit tubuh. Apabila anda sudah sedia, ikuti langkah berikut:

Pastikan anda berdiri dalam keadaan kaki kiri dan kanan dibuka selaras dengan bahu sambil menutup mata. Sentuh badan anda bermula dari kepala hingga ke kaki dengan menggunakan kedua-dua belah tapak tangan. Rasakan setiap bahagian dalam beberapa saat dan kenal pasti fungsinya, degupan jantung, darah yang mengalir, otot-otot yang mengikat tubuh, baju yang menyentuh kulit dan pernafasan anda.

Gerakkan sendi-sendi anggota bermula dengan kaki sehinggalah ke leher. Kemudian, goyangkan badan secara perlahan-lahan. Setelah selesai, buka mata perlahan-lahan. Berikan tumpuan kepada deria. Mata untuk melihat, hidung untuk menghidu, lidah untuk mengecap, kulit untuk menyentuh dan telinga untuk mendengar.

Adakah terdapat sesuatu yang baharu? Bincangkan.



### Minda Bestari

### Tindak Balas Tubuh

Tahniah! Anda telah memahami tajuk ini. Untuk menambahkan lagi kefahaman anda, mari cuba latihan ini.

Ayuh gunakan imaginasi anda untuk mengesan deria. Tunjukkan reaksi pada muka anda apabila berhadapan dengan situasi ini:

- Anda sedang tidur tiba-tiba terdengar anjing menyalak di tengah malam.
- Anda berada di perhentian bas. Sebuah bas datang dari jauh menghampiri dan terus berlalu tanpa mempedulikan anda.
- Anda sedang membuat kerja sekolah di rumah. Tiba-tiba terhidu bau ayam goreng.
- Anda seronok berjoging tiba-tiba kaki terpijak paku.
- Anda sedang menikmati makan tengah hari. Tiba-tiba anda tergigit cili yang begitu pedas.



Guru diminta mengemukakan soalan ini untuk perbincangan.  
Mengapakah dan bilakah jantung berdegup kencang?  
Mengapakah dan bilakah nafas menjadi lebih pantas?



## Asah Minda

### Reaksi Wajah

Sekiranya anda masih belum dapat menggunakan imaginasi untuk menggayaikan reaksi wajah dengan situasi yang dihadapi, ayuh kita rasakan keadaan sebenar dengan aktiviti berikut;

Sediakan limau nipis yang telah dipotong, serbuk kopi dan gula. Duduk dalam bulatan bersama-sama bahan yang telah disediakan. Pegang limau nipis yang telah dipotong, hidu baunya dan rasakan dengan lidah. Rasakan secubit serbuk kopi dan secubit gula. Ulang semula perlakuan seperti sebelumnya dengan menggunakan bahan-bahan lain yang sesuai. Tunjukkan reaksi wajah anda semasa melakukan aktiviti ini.



Gula



Kopi



Limau



Guru diminta menyediakan bahan-bahan berkaitan. Perhatikan kronologi reaksi wajah murid berdasarkan deria rasa. Bincangkan dengan murid tentang setiap reaksi wajah yang terhasil.



## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.

1. Terdapat empat elemen dalam membina watak, iaitu fizikal, \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, dan \_\_\_\_\_ serta unsur-unsur teater.
2. Elemen fizikal dalam lakonan dapat dikesan melalui \_\_\_\_\_ yang ditunjukkan oleh watak apabila berhadapan dengan situasi.
3. Elemen fizikal meliputi penggunaan fungsi \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
4. Unsur tubuh dalam elemen fizikal ialah \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, dan \_\_\_\_\_.
5. Berpandukan rajah di bawah, padangkan perkataan yang sesuai dengan elemen-elemen utama dalam membina watak orang tua dengan menggunakan garisan.

### FIZIKAL

- pencahayaan suram
- merajuk

### VOKAL

- pengucapan garau
- lagu klasik

### MENTAL DAN EMOSI


- kurang dengar
- sebutan lambat

### UNSUR-UNSUR TEATER

- sensitif
- berjalan lambat

## 1.2.2 Vokal

Vokal merupakan suara untuk menyampaikan dialog dalam persembahan teater. Ujaran yang kemas dan jelas akan dapat menyampaikan mesej yang tepat kepada penonton. Untuk mengeluarkan vokal secara maksimum, pelakon harus melakukan latihan teratur dengan cara menguasai teknik pernafasan dan pelafazan.



Rajah latihan vokal menggunakan teknik pernafasan dan pelafazan.


Latihan pernafasan merupakan perkara utama yang dilakukan sebelum memulakan latihan vokal. Latihan ini bertujuan untuk mengaktifkan otot pernafasan melalui teknik pernafasan diafragma supaya dapat memperluas keupayaan menampung suara pelakon. Kualiti vokal yang dilafazkan perlu berasaskan faktor-faktor berikut:

- Projeksi ialah proses melontarkan suara supaya dapat didengar oleh penonton.
- Artikulasi ialah sebutan setiap perkataan dengan tepat dan jelas.
- Intonasi ialah nada dan emosi dalam penyampaian perkataan.

### Pernafasan


Seorang pelakon perlu memahami teknik pernafasan yang betul dengan menggunakan otot-otot abdomen. Diafragma ialah tisu yang terdiri daripada otot dan tendon yang memisahkan rongga toraks daripada rongga abdomen. Apabila nafas dihembus, diafragma yang dalam keadaan asal akan melengkung, manakala dada dan abdomen mengecut. Murid akan merasakan bahagian perut, pinggang, belakang, dan pinggul mengembang. Melalui pernafasan diafragma, udara dikumpulkan secara maksimum dan ditolak keluar tanpa memberikan tekanan kepada peti suara sehingga menjadikan suara lebih bertenaga. Cara pernafasan ini bertujuan untuk memudahkan pelakon dalam mengendalikan dan mengatur penggunaan teknik pernafasan.

Rujuk video vokal.mp4



Rajah teknik pernafasan.

Pernafasan dalam aspek vokal berfungsi sebagai unsur mengeluarkan gelombang suara melalui proses tolakan udara. Kemudian melalui tenggorok yang melintasi larinks untuk menggetarkan peti suara bagi mengeluarkan bunyi.



Rajah tolakan udara membentuk getaran.



### Cerah Minda

Tenggorok ialah kerongkong atau batang saluran dari halkum ke rahang atas.

Larinks ialah organ berongga, berotot dan berawan yang merupakan salur udara ke paru-paru.

Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat



1.1.1 (ii)




Guru diminta menunjukkan contoh cara pernafasan menggunakan dada dan perut kepada murid.

13

## Pelafazan

Getaran melalui peti suara kemudian melalui lelangit terus menuju ke rongga mulut atau hidung untuk mengeluarkan suara. Kualiti suara pula ditentukan melalui pengeluaran bunyi suara yang berbeza, seperti kekuatan (*volume*) suara, pic dan bentuk suara yang pelbagai dengan penggunaan organ pengeluaran suara seperti berikut:

- Bibir mempunyai peranan untuk membentuk huruf-huruf vokal (A, E, I, O, U). Semasa melakukan pelafazan, bibir harus bergerak secara maksimum untuk menghasilkan bunyi yang tepat. Manakala untuk menyebut huruf konsonan seperti M, B dan P, bibir berada dalam keadaan rapat kemudian terbuka.



Rajah bentuk bibir mengeluarkan bunyi huruf vokal.

- Lidah berfungsi untuk menentukan lafazan yang tepat dan jelas. Lidah juga berperanan untuk melafazkan huruf konsonan seperti C, D, L, N, R, S, T dan seterusnya.
- Rahang berfungsi untuk membuka dan menutup mulut. Bukaan mulut yang wajar memberikan kesan kepada lafazan yang tepat.
- Lelangit berfungsi untuk pembentukan suara dan pengucapan. Selain itu, lelangit juga berperanan sebagai alat pengalun (resonan) pada rongga mulut.
- Hidung berfungsi untuk pembentukan suara yang menghasilkan bunyi melalui rongga hidung seperti huruf N, M dan NG.



Guru diminta memastikan sekiranya terdapat murid yang merasa pening atau hendak muntah dalam latihan ini, arahkan mereka untuk berehat seketika.



### Pernafasan dan Pelafazan

Adakah anda sudah memahami cara vokal dikeluarkan? Untuk mengukuhkan kefahaman anda, mari lakukan aktiviti ini.

#### Bersedia

Berdiri tegak, buka kaki selaras dengan bahu. Letakkan tangan kiri di bahagian perut dan tangan kanan di bahagian atas perut. Tekan perut dan lepaskan. Rasakan tindak balas perut seperti menekan belon. Ulang beberapa kali.

#### Semasa Aktiviti



##### Langkah 1

Tarik nafas melalui hidung dalam kiraan empat. Pada waktu yang sama perut mengembang dan ada rasa tekanan di bahagian sekeliling rusuk. Tahan nafas dalam kiraan empat dan lepaskan melalui mulut yang terbuka. Ulang semula beberapa kali.

##### Langkah 2

Ulang langkah 1. Kali ini keluarkan nafas anda serentak dengan bunyi nafas. Lakukan beberapa kali sehingga bunyi yang dihasilkan bertambah kuat.

##### Langkah 3

Ulang kaedah yang sama seperti langkah 1. Kali ini keluarkan bunyi huruf vokal bermula dengan A, kemudian E, dan seterusnya I, O, dan U. Pastikan bentuk bibir yang tepat.



Bunyikan vokal A



Bunyikan vokal E



Bunyikan vokal I



Bunyikan vokal O



Bunyikan vokal U

##### Langkah 4

Pelbagaikan suku kata dengan menggabungkan huruf vokal dan konsonan, contohnya ba, be, bi, bo, bu, ca, ce, ci, co, cu, ... za, ze, zi, zo, zu. Pastikan lontaran suara jelas dan setiap suku kata dapat didengar dengan tepat.

#### Selepas Latihan

Tarik nafas perlahan-lahan dan lepaskan. Ulang sebanyak tiga kali. Kemudian bernafas seperti biasa dan pastikan kedudukan tubuh berada dalam keadaan seimbang.



Guru perlu memastikan setiap murid mengaplikasikan penggunaan bibir dan rahang semasa melakukan pelafazan.



### Ujaran Serima

Tahniah! Anda telah berjaya menguasai pernafasan diafragma untuk menjadikan suara lebih bertenaga. Sekarang mari menyebut perkataan mengikut suku kata dalam aktiviti berikut:

### Sebutan ikut suku kata

Kelapa kepada kepala



Menyebut ke



Menyebut la



Menyebut pa

Anda tentu telah memahami bagaimana sebutan ke, la, pa, dengan kaedah ujaran serima. Mari kita membuat latihan sebutan ke, pa, da, dan ke, pa, la. Kemudian kita lanjutkan dengan sebutan ke, la, pa, ke, pa, da, ke, pa, la, sehingga betul dan tepat. Setelah selesai melaksanakan aktiviti tersebut, mari kita mempertingkatkan lagi ujaran serima melalui aktiviti di bawah:

### Sebutan ikut suku kata

Esok bapa beli buku



Menyebut e



Menyebut sok



Menyebut ba



Menyebut pa



Menyebut be



Menyebut li



Menyebut bu



Menyebut ku



### Pernafasan Dada dan Pernafasan Diafragma

Jika anda masih tidak jelas terhadap topik ini, mari lakukan aktiviti ini. Aktiviti ini bertujuan untuk mengetahui perbezaan antara kemampuan pelafazan vokal menggunakan pernafasan dada dan diafragma. Lantik seorang murid sebagai pencatat. Gunakan jam randik untuk menentukan jangka masa perbezaan pelafazan. Lakukan aktiviti ini mengikut arahan seperti berikut:

- Berdiri tegak. Buka kaki selaras dengan bahu.
- Mulakan dengan menarik nafas melalui hidung dalam keadaan dada kembang dan diafragma kempis. Tahan dalam kiraan empat atau lapan, kemudian lepaskan kembali melalui hidung. Ulang beberapa kali.
- Tarik nafas menggunakan kaedah yang sama seperti di atas dan lepaskan nafas dengan mengeluarkan suara menggunakan bunyi huruf vokal A, A, A ... sehingga anda merasakan tidak boleh lagi bernafas.
- Kemudian kenal pasti murid yang boleh mengeluarkan suara dalam tempoh yang lebih panjang melalui catatan kiraan masa.
- Seterusnya. Lakukan semula aktiviti tersebut dengan menggunakan pernafasan diafragma. Mulakan dengan menarik nafas melalui hidung sehingga perut dan dada menjadi kembang. Rasakan sehingga terdapat tekanan di bahagian rusuk dan belakang. Tahan nafas dalam kiraan empat atau lapan dan keluarkan suara menggunakan huruf vokal A, A, A ... sehingga anda merasakan tidak boleh lagi bernafas.
- Catat kiraan masa dan bandingkan jumlah jangka masa yang digunakan melalui pernafasan normal menggunakan dada dan diafragma.

Apakah keputusan anda? Adakah benar pernafasan menggunakan diafragma lebih bertenaga berbanding dengan pernafasan normal yang menggunakan dada? Sekiranya pernafasan diafragma dapat mengeluarkan suara lebih panjang dan bertenaga, ternyata anda telah berjaya menguasai teknik pernafasan diafragma.

Sekiranya anda mengalami masalah untuk melakukan pernafasan diafragma yang betul dalam keadaan berdiri, cuba lakukan aktiviti ini dalam keadaan berbaring lurus. Bayangkan seolah-olah anda sedang tidur. Bernafas seperti biasa dan rasakan diafragma anda mengembang.



Guru diminta membuat perbincangan dengan murid berdasarkan keputusan jangka masa pelafazan menggunakan diafragma dan dada.



## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.



### Melintang


1. Latihan pernafasan pelakon.
3. Membentuk huruf vokal.
5. Berfungsi melafazkan huruf konsonan.
7. Huruf B, C, D, F, G, H, dan seterusnya.

### Menegak

1. Ucapan dalam lakonan.
2. Proses tolakan udara melalui tenggorok yang melintasi \_\_\_\_\_ menggetarkan peti suara.
4. Organ membuka mulut.
6. Huruf A, E, I, O, U.

### 1.2.3 Mental dan Emosi

Mental merupakan pemikiran pelakon untuk diselaraskan dengan situasi di mana watak berada. Emosi pula ialah cetusan perasaan watak yang ditunjukkan dalam bentuk ekspresi secara fizikal dan vokal. Emosi secara fizikal ditunjukkan melalui mimik muka dan gerak tubuh yang melibatkan setiap anggota. Emosi secara vokal pula dapat disampaikan melalui intonasi suara. Kedua-dua elemen ini saling berkaitan untuk membina perwatakan. Mental dijadikan sebagai faktor sebab yang menunjukkan sesuatu kejadian yang berlaku, sementara emosi pula menunjukkan kesan atau akibat daripada sebab kejadian. Gabungan kedua-dua elemen ini akan dapat membentuk perwatakan yang wajar atau logik bersesuaian dengan situasi watak.



Peta buih berganda: perhubungan mental dan emosi - membina watak.



#### Cerah Minda

Mental dan emosi dalam lakonan berlaku atas dasar sebab dan akibat. Sebab ialah hal yang mengakibatkan sesuatu kejadian. Akibat pula ialah kesan daripada sesuatu peristiwa. Contohnya seperti berikut:

Sebab

Badan kotor


Akibat

Mandi

Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat

1.1.1 (iii)

## Ekspresi Wajah



Rajah proses membina watak melalui elemen mental dan emosi.

Nampaknya anda sudah memahami proses membina watak menerusi elemen mental dan fizikal. Sekarang lakukan empat ekspresi wajah yang menunjukkan emosi gembira, sedih, takut, dan lucu disesuaikan dengan situasi yang berbeza. Selepas itu, kongsikan pengalaman anda dengan rakan-rakan tentang faktor yang menyebabkan kesan kepada emosi berdasarkan situasi tersebut.





## Minda Bestari

### Ekspresi Diri

Mari kita berkongsi pengalaman dalam aktiviti Ekspresi Diri. Anda sudah tentu mempunyai pengalaman dalam peristiwa yang membuatkan anda gembira, sedih, takut, dan teruja. Sila bentuk kumpulan yang terdiri daripada empat orang. Kemudian, setiap kumpulan melakukan perbincangan tentang peristiwa gembira, sedih, takut, dan teruja dalam masa 10 minit. Berikan peranan kepada setiap ahli kumpulan untuk bercerita tentang peristiwa sama ada gembira, sedih, takut, dan teruja.




Setelah selesai, setiap kumpulan bercerita. Kumpulan lain memberikan komen tentang aksi ekspresi diri yang ditunjukkan, sama ada berjaya atau tidak. Catatkan semua komen mengikut kumpulan, kemudian jadikan kompilasi hasil aktiviti Ekspresi Diri.




## Asah Minda

### Sentuhan Emosi

Sekiranya anda masih belum memahami topik ini, mari kita lakukan aktiviti Sentuhan Emosi ini. Sesuaikan ekspresi wajah berdasarkan mental dan emosi. Pilih sekurang-kurangnya lima foto untuk setiap satu keadaan emosi melalui keratan majalah atau surat khabar. Kemudian, tampil dan sesuaikan mengikut kenyataan yang diberikan di bawah. Lakukan aktiviti ini dalam buku latihan.



Gembira  
Mendapat hadiah



Sedih  
Tidak dapat pergi  
menonton wayang



Takut  
Melihat ombak besar




Teruja  
Melancong  
ke luar negara



## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.

Berpandukan rajah di bawah, lengkapkan emosi yang ditunjukkan mengikut situasi yang dicadangkan.




### AKTIVITI KUMPULAN

Bentuk beberapa kumpulan yang terdiri daripada lima orang bagi setiap satu kumpulan. Kemudian, bina sebuah cerita secara lakonan tentang peristiwa yang berakhir dengan gembira.

## 1.2.4 Unsur Teater

Tanpa lakonan, teater tidak dapat dipentaskan. Kenyataan ini jelas menunjukkan kepentingan lakonan sebagai medium utama dalam persembahan teater. Namun begitu, lakonan tidak boleh berdiri dengan sendiri tanpa sokongan unsur-unsur teater yang lain untuk membentuk ketokohan dan peranan watak yang sesuai. Unsur-unsur teater yang berperanan memberikan sokongan kepada lakonan adalah seperti berikut:



Peta buih: Unsur teater.



### Cerah Minda

Unsur-unsur teater saling berkaitan antara satu dengan yang lain. Contohnya, skrip yang bertulis serta mengandungi dialog untuk kegunaan pengarah persembahan teater sebagai naskhah pengarahan dan pelakon yang menyampaikan dialog.

1.1.1 (iv) a, b, c, d, e, f



Guru diminta mengadakan perbincangan dengan murid tentang unsur-unsur teater. Kemudian guru meminta murid menghasilkan tugas dalam bentuk peta pokok bagi membuat pengelasan tentang unsur-unsur teater.

# UNSUR TEATER

## PELAKON

Orang yang berada di atas pentas melakukan aksi melalui watak-watak tertentu di hadapan penonton secara langsung.

## RUANG

Kawasan yang digunakan oleh pelakon untuk menunjukkan aksi dan tempat berlakunya peristiwa.

## MESEJ

Tema dan pengajaran yang mengandungi nilai-nilai murni.

## SKRIP

Cerita yang mengandungi dialog yang disampaikan oleh pelakon.



*Sumber foto: Persembahan teater “Kena Main” karya dan arahan Khalid Salleh di Istana Budaya Kuala Lumpur pada 27 Mac hingga 5 April 2015.*



Guru diminta membuat perbincangan dengan murid tentang unsur-unsur teater berdasarkan situasi semasa. Sebagai contoh, bincangkan peristiwa bagaimana yang sesuai untuk dijadikan cerita dalam skrip. Kemudian, lanjutkan perbincangan tentang mesej, pelakon, ruang, gabungan pelbagai seni, dan penonton.



## GABUNGAN PELBAGAI SENI

### A. Visual

Elemen yang memberikan gambaran watak dengan jelas melalui:

- Set – menjelaskan tempat watak.
- Tatarias – wajah watak.
- Kostum – gambaran status watak.
- Tatacahaya – memberikan kesan rasa dan situasi watak.
- *Props* – peralatan di pentas dan yang digunakan oleh watak.

### B. Audio

- Kesan bunyi dan muzik untuk memberikan kesan rasa dan situasi watak.

## PENONTON

Penonton ialah orang yang hadir menonton persembahan. Mereka sama-sama berkongsi emosi dan pengalaman terhadap persembahan tersebut.

## Jejak Cerita

Cari maklumat dalam akhbar ataupun majalah berdasarkan peristiwa yang telah berlaku. Maklumat yang dipilih mestilah berdasarkan peristiwa yang berbentuk kejadian dengan mencatatkan perkara-perkara seperti berikut:

- Watak-watak yang terlibat.
- Tempat dan masa peristiwa berlaku.
- Nilai murni yang terdapat dalam peristiwa.

Agihkan tugas dan peranan dalam kumpulan berpandukan unsur-unsur teater yang dapat membantu membina watak. Kemudian bincangkan. Sebagai contoh, petikan kisah Nasib Si Belang dalam halaman 5 majalah Dewan Masyarakat, Mac 2016.

### NASIB SI BELANG

Seekor harimau belang mati selepas dirempuh sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) Hyundai Starex di Kilometer 321.2, Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2), berhampiran susur keluar Plaza Tol Kerteh, pada 6 Februari lalu. Dalam kejadian kira-kira pukul 1.00 pagi itu, haiwan berkenaan cuba melintasi lebuh raya sebelum dilanggar kenderaan yang dipandu oleh Shahril Abdul Aziz, 43 tahun, dan dinaiki tiga ahli keluarganya.

Walau bagaimanapun, pemandu dan kesemua penumpang kenderaan itu terselamat tanpa mengalami sebarang kecederaan. Mereka sekeluarga dalam perjalanan pulang ke kampung di Kuala Terengganu dari Kuala Lumpur bersempena cuti Tahun Baharu Cina.

Menurut Ketua Ketenteraan Awam dan Trafik negeri, Superintenden Kamaluddin Mohamad, sebelum ini terdapat beberapa kes kemalangan membabitkan binatang buas, seperti tapir, beruang dan terbaharu harimau di laluan itu berikutkan lokasinya yang terletak berhampiran hutan simpanan.

- Watak-watak yang terlibat.
  - Seekor harimau
  - Pemandu
  - Polis
- Tempat dan masa peristiwa berlaku.
  - 6 Februari 2016
  - 1:00 pagi
  - Di Kilometer 321.2, Lebuh Raya Pantai Timur 2
- Nilai murni yang terdapat dalam peristiwa.
  - Berhati-hati memandu di jalan raya yang berhampiran hutan simpan

Sumber: Dewan Masyarakat, Mac 2016.



Guru diminta menerangkan kepada murid tentang elemen unsur teater yang dapat membantu membina watak dalam aktiviti jejak cerita ini.



## Minda Bestari

### Bicara Akhbar

Tahniah! Anda telah berjaya mendapat maklumat daripada aktiviti Jejak Cerita. Berpandukan agihan tugas yang telah diberikan sebelum ini, setiap kumpulan perlu membuat pembentangan di dalam kelas. Pembentangan boleh disampaikan secara lisan, lukisan dalam bentuk papan cerita, ataupun melalui persempahan *power point*.

Aktiviti ini memerlukan anda untuk membentangkan unsur-unsur teater yang membantu membina watak. Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Watak – keterangan tentang umur, jantina, kerjaya, dan gambaran fizikal (kurus, rendah, gemuk dan sebagainya) serta unsur-unsur sokongan yang lain seperti kostum dan tatarias.
- Ruang – gambaran tempat berlaku peristiwa atau kejadian (disokong oleh set, *props* dan muzik).
- Skrip – memberikan kerangka cerita tentang peristiwa.
- Mesej – nilai murni yang terdapat dalam peristiwa tersebut.



## Asah Minda

### Gambar Bercerita

Jangan bimbang sekiranya anda masih belum menguasai dan memahami fungsi unsur-unsur teater yang menyokong lakonan. Untuk memahami dengan lebih lanjut, anda perlu mencari foto-foto yang terdapat dalam majalah atau akhbar yang menggambarkan sesebuah peristiwa. Tulis peristiwa tersebut berdasarkan unsur-unsur teater seperti watak dan tempat kejadian tidak melebihi 100 patah perkataan.



Sumber foto: Pasar malam di Simpang Empat Balik Pulau, Pulau Pinang. Ihsan daripada Halimi Mohd. Noh.



## Latih Minda

Sila buat aktiviti ini dalam buku latihan.

Cari perkataan yang tersembunyi dalam rajah berpandukan pembayang di bawah:

T	P	Q	R	Z	T	U	V	W
E	E	D	C	B	A	Z	Y	X
A	L	A	M	A	T	O	A	V
T	A	T	A	B	U	N	Y	I
E	K	N	L	K	R	E	A	S
R	O	A	A	N	A	J	I	U
I	N	I	M	E	S	E	J	A
N	O	I	Z	A	H	O	D	L
D	A	B	S	K	R	I	P	A

### Pembayang


1. Persembahan secara langsung di hadapan penonton.
2. Individu yang membawa watak.
3. Unsur yang digunakan memberi kesan audio.
4. Fungsi tatarias.
5. Unsur teater yang mengandungi pemikiran.
6. Bahan utama yang digunakan oleh pelakon untuk berdialog.

# UNIT 2

# Improvisasi

## 2.1 Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, improvisasi bermaksud perihal (perbuatan) melaksanakan atau membuat sesuatu tanpa persediaan awal, secara spontan, atau dengan menggunakan bahan-bahan yang sedia ada dalam pelbagai fungsi kegunaan. Dalam konteks asas lakon, improvisasi merupakan aktiviti lakonan secara spontan tanpa menggunakan skrip. Aktiviti ini termasuklah penggunaan bahan-bahan yang boleh dijadikan sebagai rangsangan menjana imaginasi dan kreativiti bagi menghasilkan sesuatu persembahan yang segar.



Peta bulatan: Improvisasi.

### OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat:

- Membentuk kerja berpasukan, menyelesaikan masalah, penciptaan sesuatu yang baru, dan kemahiran berkomunikasi.

1.1.2

Rujuk video muzik.mp4

Rujuk video objek.mp4

Rujuk video kreatif.mp4



## 2.1.1 Tujuan Improvisasi

Improvisasi merupakan suatu kaedah untuk pelakon sentiasa siap siaga dan peka dengan segala kemungkinan yang berlaku dalam aksi. Hal ini kerana improvisasi akan menghasilkan objektif, kreativiti, dan kerja berkumpulan. Aktiviti ini akan mewujudkan sikap berani, aktif, mampu berkomunikasi, dan mencabar.

**Fokus kepada Objektif**  
Menumpukan pada matlamat yang hendak dicapai.



**Kreativiti**  
Menghasilkan ciptaan yang segar (baharu). Pastikan setiap ciptaan dalam kumpulan berjaya mencapai objektif.


**Kerja Berkumpulan**  
Setiap individu perlu memahami tugas dan peranan mereka dalam kumpulan. Setiap keputusan yang dibuat merupakan keputusan bersama.





### Berani

Membuat keputusan tepat sekiranya menghadapi halangan dan kesukaran.




### Aktif

Mengaktifkan fungsi fizikal, vokal, mental, dan emosi dengan sepatutnya.



### Berkomunikasi

Menggunakan dialog dan bahasa tubuh untuk menjelaskan watak, tempat, kejadian dan lokasi.



### Mencabar

Pengalaman memberikan cabaran kepada kebijaksanaan untuk disesuaikan dengan situasi yang dibina.



## 2.1.2 Etika Improvisasi

Etika improvisasi merupakan garis panduan ataupun peraturan-peraturan penting untuk dipatuhi supaya improvisasi dapat dilaksanakan dengan lancar dan menepati objektif. Ada beberapa etika improvisasi yang perlu diberikan perhatian. Antaranya bersetuju dengan dialog kawan, mengekalkan situasi yang dibina bersama-sama, dan mencapai matlamat dalam semangat berkumpulan.



Rajah etika improvisasi.

Yang berikut ialah perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian semasa melakukan improvisasi.

### A. Bersetuju dengan dialog rakan untuk mengembangkan improvisasi.

BUDIN: Wow, cantiknya pemandangan di sini!

LINGGAM: Air tasik biru, cantiknya.

TONG FATT: Tengok tu, ikan melompat-lompat.

PRITAM: Mari kita memancing.

TONG FATT: Saya tak ada joran.

BUDIN: Saya pun.

LINGGAM: Saya ada bawa dua joran.

PRITAM: Saya juga.

BUDIN: Baik, awak semua siapkan peralatan, saya dan Tong Fatt pergi cari umpan.

Improvisasi dapat diteruskan kerana setiap rakan dalam kumpulan dapat menghubungkan dialog untuk menjelaskan lokasi dan aksi.

BUDIN: Wow, cantiknya pemandangan di sini!

LINGGAM: Air tasik biru, cantiknya.

TONG FATT: Tengok tu, ikan melompat-lompat.

PRITAM: Mana ada ikan, ini dalam kelaslah.

TONG FATT: Hei Pritam, tak nampak ke tasik biru tu?

BUDIN: Pritam, kita sedang berimprovisasi ni.

PRITAM: Ya, tapi mana ada tasik, mana ada ikan.

Improvisasi tidak dapat diteruskan kerana terdapat salah seorang daripada ahli kumpulan membuat penafian lokasi serta berlaku perdebatan dalam kalangan ahli kumpulan.

**B. Mengekalkan situasi yang dibina bersama-sama dengan menganggapnya sebagai realiti.**

BUDIN : Sy...  
LINGGAM : Sy... Saya dengar macam bunyi harimau.  
TONG FATT : Saya pun, macam mana ni?  
PRITAM : Saya takut.  
TONG FATT : Hah, tengok depan tu ada gua!  
BUDIN : Mari kita semua bersembunyi.  
LINGGAM : Pritam, ayuh.  
PRITAM : Saya takut.  
BUDIN : Nampaknya bunyi makin dekat.  
PRITAM : Ayuh, mari kita cepat-cepat masuk ke dalam gua!

**C. Mencapai objektif dalam semangat berkumpulan.**

Selesaikan aktiviti improvisasi untuk mencapai objektif serta berjaya mencipta penemuan yang baharu dan segar.

Awak tidak boleh berasa bosan.  
Kita bekerja dalam kumpulan.  
Kalau awak bosan, tujuan kita semua akan gagal.


Teruskan improvisasi, nanti kita akan menemui cerita segar.





## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan. Berpandukan rajah di bawah, lengkapkan tujuan improvisasi.



### AKTIVITI KUMPULAN

 Tulis tujuh tujuan improvisasi secara berasingan dalam kertas kosong. Kemudian lipat kertas tersebut dengan kemas untuk dijadikan undian. Bentuk tujuh kumpulan dan setiap kumpulan memilih satu keping kertas undian. Setiap kumpulan diberi masa sepuluh minit untuk membincangkan tujuan improvisasi yang telah dipilih. Kemudian, bentangkan tujuan improvisasi berkenaan dengan contoh-contoh yang berkaitan.

## 2.2 Improvisasi Menggunakan Kerangka Cerita

Kerangka cerita merupakan satu garis panduan dalam pembinaan sebuah cerita yang lengkap. Garis panduan cerita menggunakan urutan peristiwa atau kejadian yang melibatkan watak, lokasi, dan masa. Terdapat tiga cara untuk menghasilkan kerangka cerita, iaitu secara lisan, tulisan, dan berdasarkan papan cerita. Biasanya improvisasi yang menggunakan kerangka cerita berlaku dalam tiga peringkat:

**a. Peringkat awal.**


Peringkat ini dijadikan sebagai pencetus atau sebab yang akan menimbulkan konflik untuk cerita berkembang.

**b. Peringkat tengah.**

Peringkat ini bermulanya konflik antara watak.

**c. Peringkat akhir.**

Peringkat untuk menyelesaikan konflik hingga peleraian ataupun matlamat watak tercapai.



Rajah improvisasi menggunakan kerangka cerita.

1.1.2 (i)

### Lima Bersaudara

Sebagai mengukuhkan kefahaman terhadap improvisasi berasaskan kerangka cerita, mari mendengar cerita. "Lima Bersaudara", yang akan disampaikan oleh guru. Setelah selesai mendengar cerita tersebut, rancang urutan peristiwa dan watak sebelum melakukan improvisasi.



Sumber foto: Koleksi Che Mat Jusof. Ihsan daripada Zamri Salleh.

Pada zaman dahulu, di sebuah negeri bernama Melaka, tinggal lima bersaudara yang dikenali sebagai Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, dan Hang Lekiu.



### Cerah Minda

Tok Selampit menyampaikan cerita secara lisan kepada masyarakat sambil bermain rebab. Dahulu, Tok Selampit mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat sebagai penghibur. Sambil bercerita, Tok Selampit akan berpantun dan bernyanyi.



- Guru diminta menyampaikan cerita secara lisan kepada murid.
- Pastikan improvisasi hanya dalam bentuk lakonan tanpa menggunakan narator.



### Ke Mana Si Tompok

Baca kerangka cerita “Ke Mana Si Tompok”. Fahami cerita tersebut sebelum melakukan improvisasi. Dua orang murid dipilih secara rawak membawakan peranan Mamat dan Pak Hussain. Letakkan mereka di tengah-tengah bulatan dan berikan sedikit waktu untuk mereka berbincang. Murid-murid lain perlu bersedia untuk bekerjasama sebagai watak-watak lain sekiranya dihampiri.

Mamat sedang menangis di sebuah pusat membeli-belah. Pak Hussain, jiran Mamat datang menghampirinya. Pak Hussain bertanya sebab mamat menangis. Mamat menangis bertambah kuat. Pak Hussain terus memujuk Mamat. Sambil menangis Mamat menceritakan kucingnya bernama Tompok telah hilang. Pak Hussain mengajak Mamat untuk mencari. Mamat dan Pak Hussain bertanya setiap orang yang ada di situ tentang Si Tompok yang hilang. Sesudah puas mencari, Pak Hussain mencadangkan agar membuat laporan kepada pihak polis. Mamat menolak cadangan Pak Hussain kerana dia takut polis akan menangkapnya sebab tidak menjaga Tompok dengan baik.

Tiba-tiba mereka mendengar bunyi kucing mengiau dan ternampak seorang lelaki sedang memegang kucing. Ternyata kucing itu memang Tompok. Lelaki itu menyatakan kucing itu kepunyaannya. Setelah didesak dan hendak diadukan kepada pihak polis barulah lelaki itu meminta maaf dan berjanji tidak akan berbohong lagi.



Guru mengarahkan murid untuk memberi kerjasama dalam improvisasi ini.



## Asah Minda

### Perkhemahan Cuti Sekolah

Sekiranya anda masih belum dapat menguasai kerangka cerita secara lisan dan tulisan, mari pulihkan bakat anda melalui kerangka cerita berdasarkan papan cerita bertajuk “Perkhemahan Cuti Sekolah”. Ayuh mulakan.

1



2



3



4





## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.

1. \_\_\_\_\_ menyampaikan cerita sambil memainkan alat muzik yang dikenali sebagai rebab.
2. Senaraikan tiga bentuk kerangka cerita yang digunakan dalam improvisasi.
3. Peringkat awal cerita ialah \_\_\_\_\_.
4. Peringkat tengah cerita ialah \_\_\_\_\_.
5. Peringkat akhir cerita ialah \_\_\_\_\_.
6. Pada bahagian tengah cerita, watak akan berhadapan dengan \_\_\_\_\_ yang menghalang watak untuk mencapai tujuannya.
7. Pada bahagian akhir cerita, selalunya konflik diselesaikan dengan \_\_\_\_\_.
8. Cerita “Lima Bersaudara” terdapat juga dalam buku \_\_\_\_\_.
9. Dalam aktiviti cerita Ke Mana Si Tompok, perkara paling penting untuk menjayakan improvisasi tersebut ialah \_\_\_\_\_.
10. Aktiviti improvisasi cerita “Perkemahan Cuti Sekolah” lebih mudah. Jelaskan.



### AKTIVITI KUMPULAN

Bentuk kumpulan yang terdiri daripada lima orang. Kemudian, cari maklumat dalam akhbar atau majalah tentang sesuatu peristiwa. Berdasarkan peristiwa tersebut, buat kerangka cerita dalam bentuk papan cerita. Setiap kerangka cerita dijadikan kompilasi aktiviti improvisasi menggunakan kerangka cerita.

## 2.3 Improvisasi Bunyi dan Muzik

Improvisasi ini melibatkan unsur bunyi dan muzik sebagai menyokong kesan pelakon. Kesan bunyi dan muzik mempengaruhi pergerakan, ekspresi wajah, tubuh, dan vokal. Berasaskan improvisasi ini, pelakon akan dapat beraksi melalui tindak balas secara spontan berpandukan bunyi dan muzik yang dimainkan. Selain itu, unsur-unsur ini boleh digunakan juga sebagai bahan untuk menghasilkan improvisasi dalam bentuk cerita yang lengkap, seperti menggunakan lagu dalam sesebuah klip video.

Peralatan yang digunakan dalam improvisasi ini tidak terbatas. Selain alat-alat muzik formal seperti simbal, gendang, dan rekoder, alat-alat kegunaan harian lain seperti wisel, baldi, tin biskut, kotak, dan beg plastik juga boleh digunakan dalam improvisasi ini.



Simbal



Rekoder




Gendang

Alat-alat muzik formal.



Kotak



Tin biskut



Gayung



Baldi

Alat-alat kegunaan harian.

1.1.2 (ii)

### Mesra Tempo

Improvisasi ini berasaskan unsur bunyi bertempo yang mempengaruhi pergerakan dalam bentuk improvisasi berkumpulan. Sekiranya anda sudah bersedia, bentuk satu kumpulan sekurang-kurangnya terdiri daripada lima orang murid setiap kumpulan. Guru akan membunyikan peralatan perkusi mengikut tempo lambat, sederhana, dan cepat secara berulang-ulang. Sesuaikan pergerakan anda dengan bunyi alatan yang dimainkan.

Selesai sahaja setiap kumpulan membuat persembahan pergerakan dalam bentuk improvisasi, kumpulan lain akan memberi komen dan pandangan. Setiap komen dan pandangan akan dicatat oleh kumpulan tersebut dan dibincangkan.



### Minda Bestari

#### Muzik Video

Tahniah! Anda telah membuktikan dan berjaya menggunakan tempo untuk mencipta gerakan. Sekarang mari kita menggayakan lagi improvisasi ini dengan membuat klip muzik video bersesuaian dengan lagu yang dipilih. Tema improvisasi ialah semangat patriotik.

Setiap kumpulan terdiri daripada 10 orang murid. Setiap kumpulan diberikan sehelai Jalur Gemilang. Guru akan menyenaraikan beberapa buah lagu patriotik untuk dipilih. Kumpulan anda diberikan waktu selama 10 hingga 15 minit untuk membuat perbincangan. Lakonkan sebuah cerita berdasarkan irungan lagu yang dipilih. Anda tidak dibenarkan menyanyi.

Selesai setiap kumpulan membuat lakonan sebuah cerita berdasarkan lagu yang dipilih, kumpulan lain perlu menilai dan bersedia dengan komen atau pandangan. Pastikan segala komen dan pandangan dicatat oleh kumpulan yang membuat lakonan tersebut.

Setelah semua kumpulan selesai membuat lakonan berdasarkan lagu yang dipilih, segala komen dan pandangan dijadikan satu kompilasi sebagai hasil improvisasi bunyi dan muzik.

Rujuk video muzik.mp4



- Kepada guru yang mempunyai kemahiran muzik, bolehlah menggunakan rentak inang, zapin, joget, dan asli untuk dipelbagaikan.
- Sekiranya tidak terdapat peralatan muzik perkusi yang lengkap, peralatan-peralatan sehari-hari juga boleh digunakan seperti baldi, tudung periuk, dan tin biskut. Pastikan alatan yang dipilih boleh menghasilkan bunyi yang kuat.
- Untuk menimbulkan kesan dramatik, benarkan murid-murid menggunakan peralatan yang boleh disesuaikan dengan pergerakan.



## Asah Minda

### Mari Menari

Nampaknya anda masih belum dapat menguasai bagaimana menggunakan bunyi dan muzik untuk melakukan improvisasi. Jangan bimbang, ayuh sama-sama kita menaiki bas dan menyanyikan lagu “Balik Kampung”, nyanyian Sudirman Haji Arshad, ciptaan Manan Ngah, lirik oleh Habsah Hassan.

Perjalanan jauh tak kurasa  
Kerna hatiku melonjak sama  
Ingin berjumpa sanak saudara  
Yang selalu bermain di mata

Nun menghijau gunung ladang dan rimba  
Langit nan tinggi bertambah birunya  
Deru angin turut sama berlagu  
Semuanya bagaikan turut gembira

Ho ho ho... balik kampung (3X)  
Hati girang  
Ho ho ho... balik kampung (3X)  
Hati girang



Guru perlu menyediakan lagu-lagu yang berkaitan serta pemain cakera padat.



## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.

1. Improvisasi yang menggunakan unsur bunyi dan muzik dapat memberikan \_\_\_\_\_ kepada pelakon.  
A. kesan aksi  
B. kesan khas  
C. kesan bunyi  
D. kesan muzik
  
2. Apakah yang dimaksudkan dengan alatan perkusi?  
A. Alat tiupan  
B. Alat bertali  
C. Alat paluan  
D. Pemain cakera padat
  
3. Aktiviti mesra tempo merupakan improvisasi yang bertujuan untuk \_\_\_\_\_.  
A. menghiburkan pelakon  
B. menilai tindak balas deria mendengar  
C. melihat kemampuan murid menghayati muzik  
D. menggunakan kesan muzik mempengaruhi pergerakan
  
4. Kesan bunyi dan muzik mempengaruhi \_\_\_\_\_.  
A. gerakan, vokal dan semangat  
B. ekspresi wajah, semangat dan gerakan  
C. pergerakan, semangat, vokal, dan tubuh  
D. pergerakan, ekspresi wajah, tubuh, dan vokal
  
5. Untuk menimbulkan kesan dramatik, penggunaan peralatan hendaklah sesuai dengan \_\_\_\_\_.  
A. tempo  
B. langkah  
C. pergerakan  
D. kenyaringan

## 2.4 Improvisasi Objek

Improvisasi objek ialah kesedaran untuk menjadikan sesuatu objek sebagai peralatan menarik dan kreatif. Improvisasi ini juga memerlukan kekuatan daya imaginasi untuk menjadikan objek yang dipilih sebagai andaian objek lain. Sebelum memulakan improvisasi ini, perkara utama yang harus dilakukan adalah memikir dan merancang tentang kegunaan objek yang dipilih untuk membangunkan aksi. Sebagai contoh, botol plastik boleh diandaikan sebagai teropong, telefon, trompet, mikrofon, dan lampu suluh.



Saya

Rujuk video objek.mp4.



1.1.2 (iii)

### Imaginasi

Aktiviti ini memerlukan anda membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada enam orang. Setiap ahli dalam kumpulan akan melakukan improvisasi dengan alat seperti pinggan, kotak, penyangkut baju, selendang, dan tin biskut. Catatkan semua penggayaan alat tersebut dengan fungsi berbeza. Setelah itu bincangkan bersama-sama guru tentang perbezaan fungsi kegunaan tersebut.



Pinggan



Kotak



Penyangkut baju



Selendang



Tin biskut



Guru perlu memastikan objek yang digunakan berlainan fungsi dengan objek tersebut dalam aktiviti imaginasi ini.



## Bestari Minda

### Tukar

Berdasarkan objek dalam aktiviti imaginasi, mari pelbagaikan fungsi objek-objek tersebut. Sekurang-kurangnya setiap ahli kumpulan melakukan tiga fungsi bagi setiap objek berkenaan. Gayakan sambil menggunakan gerak dan dialog. Catatkan semua penggayaan alat tersebut dengan fungsi berbeza. Setelah itu, bincangkan bersama-sama guru tentang kepelbagaian fungsi objek-objek tersebut.



## Asah Minda

### Realiti

Sekiranya anda semua masih belum mampu untuk melakukan improvisasi menggunakan objek, ayuh lakukan aktiviti realiti ini. Pilih botol air mineral sebagai objek kemudian gayakan sambil berdialog, “Ini ialah minuman kesukaan saya...”

Ini minuman kesukaan  
saya, jus oren.

Ini minuman kesukaan  
saya, jus epal.





## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.



### Melintang


2. Boleh dijadikan dalam pelbagai bentuk melalui improvisasi.
4. Perkara yang harus dilakukan sebelum memulakan improvisasi.
6. Memerlukan kekuatan untuk membina improvisasi.

### Menegak

1. Improvisasi objek dapat membangunkan \_\_\_\_\_.
3. Murid berupaya menjadi \_\_\_\_\_ apabila mampu melakukan improvisasi objek dalam pelbagai bentuk.
5. \_\_\_\_\_ dahulu sebelum merancang sesuatu dalam aktiviti improvisasi.

## 2.5 Aplikasi Unsur Lakonan

Secara umumnya, aplikasi bermaksud menggunakan secara praktik atau amali. Unsur bermaksud bahagian daripada sesuatu benda. Lakonan pula bermaksud cerita di atas pentas. Justeru, aplikasi unsur lakonan bermaksud menggunakan secara praktik atau amali sebahagian daripada sesuatu seperti ruang, situasi, vokal, gerak, dan watak dalam sesebuah cerita di atas pentas. Improvisasi aplikasi unsur lakonan meliputi ruang, situasi, vokal, gerak, dan watak bertujuan untuk membangunkan perwatakan.



Rajah aplikasi unsur lakonan.



### Cerah Minda

- Ruang - bahagian-bahagian yang akan menentukan gerak cerita
- Watak - menggambarkan sifat cerita
- Situasi - keadaan yang akan menentukan emosi cerita
- Gerak - menentukan tempo cerita
- Vokal - kelantangan yang akan menentukan nada cerita

1.1.2 (iv) a, b, c, d, e

**Berkelah di Tepi Pantai**

Berdasarkan ilustrasi yang diberikan, anda sebagai salah seorang ahli keluarga Hisyam yang berkelah di tepi pantai sedang melakukan aktiviti menggunakan peralatan berkelah seperti:

- Pelampung
- Baldi
- Bakul dan lain-lain

Sila lakukan improvisasi secara berkumpulan dan bayangkan anda sedang berada di tepi pantai.



Guru perlu menyediakan peralatan.



### Menikmati Alam

Pada kali ini, aktiviti lebih mencabar. Murid perlu menyediakan objek-objek yang boleh diandaikan sebagai peralatan dan kelengkapan untuk perkelahan di lokasi seperti berikut:

- Air terjun
- Sungai
- Sawah padi
- Kolam air panas

Untuk menghasilkan improvisasi yang baik, perkara yang perlu diberi perhatian ialah peristiwa yang berlaku semasa perkelahan. Sebagai contoh, semasa berkelah, anda bersama-sama rakan berhadapan dengan keadaan cuaca seperti panas terik, angin kencang, atau hujan lebat. Mungkin juga anda berhadapan dengan keadaan yang tidak terduga.

Mari mulakan.



Air terjun



Sungai



Sawah padi



Kolam air panas

*Sumber foto: Ihsan daripada Halimi Mohd. Noh.*



## Asah Minda

### Peristiwa Bermain Kayak

Sekiranya anda masih belum mampu untuk memahami improvisasi, jangan bimbang. Mari lakukan aktiviti ini berdasarkan peristiwa yang diterangkan dalam papan cerita berikut:


1




2



3



4



5



6





## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan. Cari perkataan yang tersembunyi dalam rajah berpandukan pembayang di bawah:

R	G	E	R	A	K	B	C	D
R	Z	M	D	B	V	N	A	K
A	S	U	M	P	O	K	N	A
S	I	A	N	G	K	I	R	Y
U	T	E	M	P	A	T	U	A
A	U	P	K	P	L	A	A	K
W	A	T	A	K	A	M	N	T
Z	S	V	B	U	M	I	G	X
Q	I	K	O	M	I	D	I	Z

### Pembayang

1. Lima elemen penting untuk menjelaskan watak dalam improvisasi aplikasi unsur lakonan.
2. Peralatan yang digunakan dalam aktiviti Asah Minda.
3. Aktiviti yang dinikmati dalam Minda Bestari.
4. Bermaksud lokasi.

# UNIT 3

# Blocking


## 3.1 Pengenalan

*Blocking* bermaksud pola ruang lakon yang dibina di atas pentas. Pengarah menggunakan *blocking* untuk meletakkan posisi pelakon untuk berdiri, duduk, dan bergerak. Penggunaan *blocking* yang tepat akan dapat menghasilkan aksi yang meyakinkan. Terdapat tiga elemen utama untuk membina *blocking* dalam lakonan.

3.1.1 Ruang Lakon

3.1.2 Susun Atur/Pola Lantai

3.1.3 Letak Tubuh



Rujuk video *Blocking.mp4*



### OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat:

- Mengenal pasti ruang lakon;
- Mengenal pasti pola lantai; dan
- Mengenal pasti letak tubuh pelakon.



Imbas

Saya


1.1.3

## 3.2 Ruang Lakon

Ruang lakon (*acting space*) ialah kawasan pentas yang dicipta untuk pelakon beraksi. Pelakon harus berada pada kedudukan yang selesa dan sentiasa sedar had maksimum gerakan fizikal dalam ruang lakon yang ditetapkan.



A, B, dan C ialah pelakon di atas pentas.



Ruang lakon watak A, B, dan C.


Setiap pelakon mesti berada di ruang lakon yang telah dikhususkan.

1.1.3 (i)


### 3.3 Susun Atur/Pola Lantai

Pola lantai dibina sebagai panduan untuk meletakkan kedudukan dan pergerakan pelakon di atas pentas. Pelakon terlebih dahulu perlu memahirkan diri untuk mengetahui kawasan-kawasan yang telah ditentukan. Arah kiri dan kanan ditentukan oleh kedudukan pelakon di atas pentas, bukan mengikut kedudukan penonton. Pola lantai dibahagikan mengikut jenis pentas yang digunakan. Pola lantai jenis prosenium dibahagikan kepada sembilan kawasan, seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

#### 3.3.1 Pada pandangan atas



#### 3.3.2 Pada pandangan depan



#### 3.2.3 Huraian akronim

- a. USR - Pentas atas kanan - (*Up Stage Right*)
- b. USC - Pentas atas tengah - (*Up Stage Centre*)
- c. USL - Pentas atas kiri - (*Up Stage Left*)
- d. CSR - Pentas tengah kanan - (*Centre Stage Right*)
- e. CS - Pentas tengah - (*Centre Stage*)
- f. CSL - Pentas tengah kiri - (*Centre Stage Left*)
- g. DSR - Pentas bawah kanan - (*Down Stage Right*)
- h. DSC - Pentas bawah tengah - (*Down Stage Centre*)
- i. DSL - Pentas bawah kiri - (*Down Stage Left*)



#### Cerah Minda

Pentas prosenium berbentuk bingkai gambar untuk penonton menyaksikan persembahan.

1.1.3 (ii)

### 3.4 Letak Tubuh

Letak tubuh merupakan kedudukan pelakon di atas pentas. Pelakon perlu memahami kedudukan yang sesuai supaya aksi dapat dilihat dengan jelas oleh penonton. Terdapat beberapa bentuk posisi letak tubuh di atas pentas jenis prosenium.



1. Menghadap penuh



2. Miring ke kiri dan miring ke kanan



3. Kedudukan profil



4. Badan menghadap tiga suku (3/4) ke belakang

5. Membelakang penuh

1.1.3 (iii)

### Kenali Ruang

Aktiviti ini memerlukan setiap murid memahami pola lantai di samping dapat mengaplikasikan letak tubuh. Pastikan ruang yang digunakan tidak dilukis atau dilabelkan.

Seorang murid naik ke bahagian CS. Murid tersebut akan memanggil rakan lain dan mengarahkannya pergi ke kawasan yang kosong untuk diisi. Contohnya mengarahkan rakan pergi ke kawasan DSR. Murid yang berada di DSR akan memanggil rakan yang lain memenuhi kawasan yang kosong berdasarkan arahan. Begitulah seterusnya apabila setiap murid sampai ke kawasan kosong yang diarahkan, murid itu pula akan memanggil rakannya yang lain.

Apabila semua kawasan telah diisi, murid terakhir dikehendaki mengarahkan setiap rakannya yang berada bersama-sama untuk keluar dari kawasan pentas seorang demi seorang, tanpa menyebut nama contohnya, “Sila tinggalkan kawasan DSR”. Setelah selesai, murid yang sama akan mengarahkan rakan-rakannya yang belum terlibat untuk memenuhi setiap kawasan seperti pada awal aktiviti ini. Pastikan semua murid terlibat.



Rajah aktiviti kenali ruang.



### Formasi Gerak

Berdasarkan aktiviti Formasi Gerak, gayakan semula dialog di bawah dalam bentuk sebuah lakonan pendek dengan menggunakan ruang lakon, letak tubuh, dan pola lantai yang sesuai. Sekiranya murid perempuan terlibat, tukarkan watak Azhar menjadi Aini, Linggam menjadi Puspa, dan Chong Fatt menjadi May Chee. Murid-murid hanya perlu peralatan beg galas sahaja.


*AZHAR, CHONG FATT, dan LINGGAM mencari tapak yang sesuai untuk mendirikan khemah. AZHAR sedang berdiri miring ke kiri berada di CS sambil memerhati LINGGAM berada di DSL. CHONG FATT miring ke kanan, berada di DSR.*

- AZHAR : Linggam, di manakah agaknya tempat yang sesuai untuk kita dirikan khemah?
- LINGGAM : Aku rasa, kita dirikan di atas bukit sana (*sambil bangun dan menunjuk terus ke hadapan*).
- CHONG FATT : Linggam, aku berpendapat elok kita dirikan khemah di tepi sungai ini. Memancing pun senang.
- AZHAR : Ya, aku setuju dengan Chong Fatt. Linggam, kau bagaimana? (*sambil menyentuh bahu Linggam*).
- LINGGAM : Aku ikut saja.
- AZHAR : Baiklah, kalau macam tu, elok kita dirikan khemah di situ (*menunjuk ke arah CSR*).
- CHONG FATT : Alamak, aku tertinggal khemah di bawah pokok besar tu!
- LINGGAM : Pergilah ambil cepat.
- CHONG FATT : Baiklah (*sambil berlari menuju ke USL*).
- AZHAR : Hati-hati, nanti jatuh.
- CHONG FATT : Kawan-kawan, banyak lagi barang hendak diangkat, marilah.
- AZHAR/LINGGAM : Ya, kami datang (*terus menuju ke arah Chong Fatt, bersama-sama mengangkat barang dan diletakkan di DSC*).



### Kembali ke Posisi

Sekiranya masih belum dapat memahami pola lantai, letak tubuh, dan ruang lakon, mari mulakan aktiviti Kembali ke Posisi. Berpandukan pola lantai yang dilukis, tandakan setiap kawasan dengan menggunakan pita pelekat seperti rajah di bawah.



Rajah pentas pada pandangan depan.

Mulakan dengan memilih tiga orang murid berada di bahagian CS, DSR, dan DSL dalam kedudukan letak tubuh secara menghadap penuh. Teruskan aktiviti berpandukan dialog seperti yang berikut:

- MURID 1 : Saya sekarang berada di CS. (*memanggil Murid 2 yang berada di DSR*). Awak mari ke CS.
- MURID 2 : Saya berada di DSR. (*datang ke arah Murid 1 di CS bersalaman dalam kedudukan profil*).
- MURID 3 : Saya berada di DSL. (*miring ke kanan dan menyatakan kepada Murid 1 dan Murid 2*). Murid 2 sila miring ke kanan, murid 1 sila miring ke kiri.
- MURID 1 : Saya nak pergi ke CSR. (*berdiri secara membelaung penuh*).
- MURID 3 : Murid 1, sila menghadap penuh.
- MURID 1 : Murid 3 sila bergerak ke CSL. (*berada dalam keadaan berhadapan penuh*). Begitu juga Murid 2 sila pergi ke USC. (*berada dalam keadaan berhadapan penuh*). Sudah sedia, mari kita tunduk bersama-sama untuk menghormati penonton. Sedia. 1, 2, 3.



## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.



### Melintang

1.          tubuh merupakan kedudukan pelakon di atas pentas.
3. Lawan kepada kiri pelakon.
4.          lantai dibina sebagai panduan untuk meletakkan kedudukan dan pergerakan pelakon di atas pentas.
6. Bentuk pentas.

### Menegak


1. Penggunaan ruang          dapat menghasilkan aksi yang menyakinkan.
2. Pola ruang lakon yang dibina di atas pentas disebut         .
5. Pentas atas tengah.

# UNIT 4

# Etika dalam Lakonan

## 4.1 Pengenalan

Etika dalam lakonan bermaksud disiplin tingkah laku yang ditunjukkan oleh pelakon sepanjang terlibat dengan lakonan. Apabila menyebut tentang etika seseorang pelakon, maka harus difahami bahawa hal ini merangkumi aspek tingkah laku, adab dan adat dalam lakonan, serta aspek pengurusan masa seseorang pelakon. Etika dalam lakonan dapat memupuk nilai murni dalam diri seseorang pelakon. Pelakon yang beretika dapat menghasilkan lakonan yang baik.



Rajah etika dalam lakonan.



### Cerah Minda

Tingkah laku – sifat perangai.

Adab – Tingkah laku serta tutur kata yang halus dan berbudi bahasa.

Adat – Peraturan yang telah diamalkan turun-temurun.

Pengurusan masa – perihal menguruskan masa dalam sesuatu perkara.

### OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat:

- mengamalkan nilai-nilai murni dalam aktiviti lakonan; dan
- menyatakan etika pelakon sebelum, semasa, dan selepas persembahan.

Rujuk video etika.mp4.



1.1.4

## 4.2 Etika Pelakon Sebelum, Semasa, dan Selepas Persembahan

### 4.2.1 Nilai Murni dalam Lakonan

Secara ringkasnya, etika dalam lakonan akan menghasilkan satu set nilai murni yang menjadi amalan bagi pelakon. Set nilai murni yang wajar diamalkan bagi pelakon beretika adalah seperti dalam rajah peta buih di bawah:



Peta buih: Nilai murni dalam lakonan.

1.1.4 (i)

## 4.2.2 Ciri-ciri Nilai Murni dalam Lakonan

Jadual di bawah menjelaskan ciri-ciri nilai murni dalam lakonan.

BIL	PERKARA	PENJELASAN
1.	Fokus semasa latihan dan persembahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak bergurau senda atau melakukan perkara lain ketika latihan dan persembahan.</li> <li>Sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan.</li> </ul>
2.	Sentiasa menjaga kebersihan diri dan persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sampah dibuang ke dalam tong sampah.</li> <li>Makan dan minum di tempat yang dikhaskan.</li> <li>Elakkan makan atau minum di atas pentas.</li> </ul>
3.	Komitmen dengan watak yang diberikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sentiasa hadir sesi latihan kecuali jika berlaku masalah yang tidak dapat dielakkan.</li> <li>Sentiasa bersedia melakukan apa sahaja yang munasabah atas arahan pengarah.</li> <li>Menerima kritikan dan teguran secara berlapang dada.</li> </ul>
4.	Memakai pakaian yang sesuai untuk latihan dan persembahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berpakaian longgar, elastik, menutup aurat, berwarna hitam, serta tidak berlogo/bergambar yang membawa mesej negatif semasa sesi latihan.</li> <li>Memakai kostum yang dikhaskan untuk watak pada hari persembahan.</li> </ul>
5.	Saling menghormati sesama pelakon	<ul style="list-style-type: none"> <li>Saling bekerjasama semasa sesi latihan dan persembahan.</li> <li>Menerima kelebihan dan kelemahan rakan lakon serta sentiasa berkongsi pendapat secara positif.</li> <li>Sabar dengan kerentenan rakan lakon.</li> </ul>
6.	Menepati masa setiap kali latihan dan persembahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Datang awal ke tempat latihan atau persembahan.</li> <li>Jika ada masalah untuk tiba awal, maklumkan kepada pengurus pentas terlebih dahulu.</li> </ul>
7.	Menjaga keselamatan semasa latihan dan persembahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sentiasa berhati-hati dalam melakukan aktiviti semasa latihan dan persembahan.</li> <li>Sentiasa mematuhi ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan bagi watak.</li> <li>Jika sakit, maklumkan kepada pihak produksi bagi mendapatkan rawatan segera.</li> </ul>
8.	Menghafal dialog dan mengkaji watak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghafal dialog mengikut tempoh masa yang diberikan oleh pihak produksi.</li> <li>Membuat kajian watak sama ada secara lapangan, bacaan, peniruan, diskusi, dan pemerhatian.</li> </ul>
9.	Patuh pada arahan pengarah produksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Patuh pada arahan pengarah produksi selagi tidak melanggar norma dan adab.</li> <li>Jika ada perselisihan pendapat, selesaikan secara perbincangan dua hala dan elakkan meninggi suara dalam perbincangan.</li> </ul>
10.	Saling bekerjasama antara pelakon	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sentiasa memberi kerjasama dengan semua ahli produksi sama ada kru teknikal, artistik, pelakon, dan lain-lain.</li> <li>Sentiasa menunjukkan reaksi positif terhadap sebarang masalah yang dihadapi.</li> </ul>



### Kenal Diri

Mari fahami etika sebelum, semasa, dan selepas persembahan dalam aktiviti Kenal Diri. Bentuk tiga kumpulan dan buat perbincangan dalam kumpulan masing-masing berdasarkan foto dan situasi yang diberikan.

#### A. Etika sebelum persembahan

Lihat gambar aktiviti lakonan sebelum persembahan teater di bawah.



Sila bincangkan dalam kumpulan masing-masing tentang etika sebelum persembahan yang perlu diberikan perhatian dan diamalkan. Kemudian, bincangkan juga tentang sikap yang tidak baik sebelum persembahan. Catatkan segala hasil perbincangan dan jadikan kompilasi tentang etika sebelum persembahan.

## B. Etika semasa persembahan

Lihat gambar aktiviti lakonan semasa persembahan teater di bawah.



Sumber foto: Persembahan Teater Perdana Sandera pada 19 Jun 2014 di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sila bincangkan dalam kumpulan masing-masing tentang etika semasa persembahan yang perlu diberi perhatian dan diamalkan. Kemudian, bincangkan juga tentang sikap yang tidak baik semasa persembahan. Catatkan segala hasil perbincangan dan jadikan kompilasi tentang etika semasa persembahan.

## C. Etika selepas persembahan

Dalam aktiviti memahami etika selepas persembahan, setiap kumpulan diminta mencari maklumat tentang etika yang baik dan yang tidak baik selepas persembahan dengan cara menonton sendiri persembahan sebenar atau rakaman video atau membaca laporan akhbar dan majalah. Catatkan segala hasil maklumat tersebut dan bincangkan. Jadikan hasil catatan dan perbincangan sebagai kompilasi tentang etika selepas persembahan.



Setiap kumpulan terdiri daripada lima orang murid. Berikan masa 10 minit untuk mereka berbincang dan seterusnya membuat pembentangan hasil perbincangan.



### Faham Diri

#### Baca situasi di bawah ini.

Hari ini Fahmi terlibat dengan sebuah pementasan teater bertajuk "Si Bongkok Tanjung Puteri." Dalam pementasan ini, dia memegang watak Si Bongkok, iaitu watak utama cerita tersebut. Untuk melancarkan perjalanan produksi pada hari tersebut, semua tenaga produksi yang terlibat telah diarahkan agar sampai ke tempat persembahan seawal pukul 5:00 petang. Namun, kerana tertidur, Fahmi lewat tiba di tempat persembahan. Pada pukul 7:00 petang baru dia sampai. Ketika itu, semua warga produksi sudah siap mengenakan kostum masing-masing. Walaupun terlambat, Fahmi masih berlengah. Dia tidak mengendahkan arahan Pengurus Pentas yang mengarahkannya untuk memakai kostum dan bersedia di bilik tatarias. Apabila jam menunjukkan pukul 7:30 petang, Fahmi baru bergegas mengenakan kostumnya. Selepas itu, dia pergi ke bilik tatarias untuk menyelesaikan urusan tatarias bagi wataknya. Tanpa disedari, Fahmi terlupa untuk memasukkan bonggol di belakang badannya bagi menggambarkan perwatakannya yang bongkok dalam cerita tersebut. Sebaik pementasan berlangsung, Fahmi tampil ke pentas dan berlakon sebagaimana yang telah dirancang. Namun, oleh sebab kostumnya tidak sempurna, semua pelakon lain menjadi gelisah. Bahkan penonton juga berasa tidak senang melihat perwatakan Si Bongkok yang dibawa oleh Fahmi kerana tidak seperti yang digambarkan dalam cerita sebenar. Menyedari hal itu, Fahmi mengubah pula gaya lakonan dan membuat dialog sendiri untuk disesuaikan dengan keadaan wataknya pada masa itu. Perbuatan Fahmi menyebabkan pelakon lain tidak dapat mengikuti lakonan Fahmi dan keadaan cerita jadi tidak menentu. Sebaik persembahan tamat, Fahmi tidak keluar ketika sesi memperkenalkan pelakon. Fahmi cepat-cepat menanggalkan kostumnya dan meninggalkan kostum tersebut di atas lantai. Sisa solekan juga ditinggalkan di dalam singki. Sebaik keluar dari kawasan panggung, Fahmi tidak melayan teguran penonton yang berada di luar panggung. Dia sebaliknya terus berlalu dengan wajah yang masam.

Sila senaraikan tindakan tidak beretika yang Fahmi lakukan semasa, dan selepas persembahan teater. Sila cadangkan tindakan beretika yang Fahmi perlu lakukan.

Tindakan tidak beretika yang Fahmi lakukan semasa dan selepas persembahan teater	Tindakan beretika yang sewajarnya Fahmi lakukan semasa dan selepas persembahan teater

### Tahu Diri

Tandakan (✓) sebagai tindakan beretika atau (✗) sebagai tindakan tidak beretika dalam ruangan yang disediakan untuk menjelaskan perbuatan yang digambarkan dalam situasi yang diberikan. Buat latihan ini dalam buku latihan.

Bil.	Situasi	Tanda
1.	Pelakon menjerit-jerit di belakang pentas ketika pementasan teater berlangsung.	
2.	Pelakon mencatat setiap babak yang berlaku semasa sesi latihan untuk memahami keseluruhan cerita.	
3.	Pelakon yang bagus akan sentiasa membuat keputusan sendiri tanpa pengetahuan pengarah.	
4.	Ketika berlakon, pelakon boleh menambah dialognya tanpa berbincang dengan pelakon dan pengarah terlebih dahulu.	
5.	Pelakon meninggalkan bekas makanannya di belakang pentas sebaik tamat persembahan.	
6.	Pelakon pembantu hadir ke tempat pementasan pada pukul 5:00 petang sedangkan persembahannya bermula pada pukul 8:30 malam.	
7.	Pelakon tidak berbual-bual ketika sesi latihan.	
8.	Pelakon utama bertegur sapa dengan peminatnya selepas pementasan selesai.	
9.	Pelakon watak sampingan meluru ke arah penonton dan mengajaknya bergambar ketika pementasan berlangsung.	
10.	Pelakon membawa kostum sendiri kerana tidak menyukai kostum yang disediakan oleh pihak produksi, sedangkan kostum yang dipakainya tidak sesuai dengan pementasan tersebut.	



## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.

1. Jika rakan anda tidak beretika ketika terlibat dengan produksi teater, apakah tindakan anda?
  - A. Memarahinya
  - B. Menasihatiinya
  - C. Membiarkan rakan dengan sikap tersebut
  - D. Menghasut orang lain agar bergaduh dengan rakan sendiri
2. Langkah yang manakah boleh dilakukan untuk melahirkan penggiat teater yang beretika?
  - A. Bengkel Waja Diri
  - B. Kem Kepimpinan Pengawas
  - C. Bengkel Etika Pelakon
  - D. Kem Motivasi Kecemerlangan Akademik
3. Etika dalam lakonan dapat memupuk \_\_\_\_\_ murni.
  - A. ungkapan
  - B. semangat
  - C. nilai
  - D. aksi
4. Pelakon yang beretika dapat menghasilkan lakonan yang \_\_\_\_\_.
  - A. baik
  - B. mudah
  - C. spontan
  - D. bersahaja
5. Senaraikan lima etika sebelum, semasa dan selepas persembahan.

SEBELUM	SEMASA	SELEPAS

Lakonan merupakan proses perwatakan semula peranan yang dilakukan. Justeru, mengenali dan memahami maksud lakonan akan memberikan kefahaman tentang ruang dan peluang untuk membina watak berdasarkan kemahiran asas lakonan. Kemahiran ini dapat dipupuk melalui aktiviti-aktiviti membina watak secara fizikal, vokal, mental dan emosi, serta sokongan unsur-unsur teater. Kemahiran tersebut dapat dipertingkatkan melalui improvisasi untuk membentuk pelakon supaya sentiasa bersedia berhadapan dengan tugas-tugas sebagai pelakon. Seterusnya, setiap pelakon diberikan pendedahan mengaplikasikan *blocking* untuk mengetahui disiplin lakonan pentas. Keseluruhan latihan yang dilakukan berlandaskan etika dan amalan nilai-nilai murni yang diterapkan lebih awal kepada pelakon.



## Anjakan Minda

Bil.	Soalan
1.	Apakah perkara asas dalam lakonan?
2.	Sila nyatakan tiga fungsi latihan artikulasi dalam aktiviti lakonan.
3.	Pada pendapat anda, mengapakah latihan olah tubuh penting untuk seseorang pelakon?
4.	Selain latihan olah tubuh, nyatakan dua lagi latihan lain yang sesuai dilakukan oleh pelakon untuk menambah kemahiran melentur tubuh.
5.	Pada pendapat anda, mengapakah amalan berjoging bagus untuk seseorang pelakon?
6.	Apakah yang anda faham tentang etika dalam lakonan? Huraikan.
7.	Apakah maksud <i>blocking</i> dalam lakonan?
8.	Mengapakah latihan improvisasi penting bagi seseorang pelakon?
9.	Nyatakan dua prinsip asas dalam melaksanakan aktiviti improvisasi secara berkumpulan.

10.	Salah satu unsur teater ialah gabungan pelbagai seni. Sila nyatakan dua contoh penggunaan elemen pelbagai seni dalam teater.
11.	Cuba reka satu frasa khusus berkonsepkan ujaran serima untuk sesi latihan artikulasi.
12.	Anda diberi sekaki payung. Dengan menggunakan kemahiran improvisasi, sila cadangkan lima fungsi payung dalam pelbagai situasi.
13.	Amin diminta melakonkan watak monyet sebagai tugas amalinya. Pada pendapat anda, apakah yang harus Amin lakukan untuk memastikan dia berjaya melakonkan watak monyet dengan berkesan?
14.	Postur badan dan letak tubuh di pentas sangat penting dalam aktiviti lakonan. Dengan menggunakan teknik kolaj, sila gambarkan contoh aktiviti lakonan yang memenuhi disiplin postur badan dan letak tubuh yang sesuai.
15.	Jika anda mendapati rakan anda selalu datang lewat ke sesi latihan teater, apakah tindakan anda untuk mengubah sikapnya?
16.	Apakah cara yang boleh dilakukan untuk membantu pelakon yang berasa malu untuk bercakap dengan kuat ketika berlakon?
17.	Dengan menggunakan peta buih (i-Think), sila jelaskan unsur-unsur dalam teater.
18.	Pada pendapat anda, adakah sesebuah pementasan teater boleh dilangsungkan jika tiada pengarah? Nyatakan sebabnya.
19.	Sila cadangkan dua contoh latihan vokal yang boleh dilakukan selain latihan yang pernah anda lakukan.
20.	Pada pendapat anda, apakah amalan yang boleh dilakukan oleh seseorang untuk menjadi pelakon yang berjaya dan disegani?

# UNIT 5

# Cerita Pendek


## 5.1 Pengenalan

Cerita merupakan karangan atau lakonan yang mengisahkan peristiwa atau kejadian, sama ada rekaan atau yang betul-betul terjadi. Pendek pula bermaksud tidak panjang, ringkas dan singkat. Justeru, cerita pendek ialah karangan atau lakonan tentang peristiwa yang digambarkan secara tidak panjang, ringkas dan singkat tetapi padat serta langsung kepada tujuan cerita. Cerita pendek ditulis sekitar satu hingga enam muka surat yang mengandungi idea, tema, watak, plot, dan bahasa.



## 5.2 Idea Cerita

Idea merupakan buah fikiran atau gagasan tentang sesuatu perkara. Oleh itu, idea cerita ialah cetusan pemikiran yang merupakan gagasan mengenai sesuatu cerita yang mengandungi mesej dan pengajaran. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk mendapatkan idea cerita. Antaranya melalui bacaan luas, mendengar cerita daripada orang lain, atau berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui.



## OBJKTIF

Rajah idea cerita.


Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat:

- menghasilkan idea cerita, membina cerita dari awal, tengah, dan akhir serta mengaplikasi teknik menulis cerita; dan
- menulis cerita yang mengandungi plot, bentuk naratif, dan gaya bahasa.

2.1.1 (i)

### 5.3 Pembinaan Cerita

Pembinaan cerita ialah rentetan peristiwa yang terdiri daripada awal, tengah, dan akhir cerita.



Rajah pembinaan cerita.



#### Cerah Minda

Klimaks merupakan bahagian dalam cerita yang lebih genting, mencemaskan, atau kemuncak kepada konflik.

Peleraian merupakan proses menyelesaikan sesuatu masalah hingga ke tahap katarsis. Katarsis merupakan kelegaan emosi atau perasaan daripada ketegangan atau pergolakan batin.

Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat

2.1.1 (ii) a, b, c

## 5.4 Teknik Menulis

Teknik menulis cerita perlu berdasarkan tiga teras utama, iaitu menentukan plot cerita, bentuk naratif, dan gaya bahasa.

### Teknik Menulis Cerita

#### Plot

Plot ialah susunan jalan cerita dari mula hingga akhir dengan memecahkannya kepada lima peringkat, iaitu:

1. Permulaan – Menentukan permulaan cerita, latar, dan menampilkan watak.
2. Perkembangan – Menentukan cara cerita terus bergerak dan berkembang.
3. Konflik – Mewujudkan ketegangan.
4. Klimaks – Menentukan kesan dan akibat daripada ketegangan yang tercetus.
5. Peleraian – Menentukan kesan selepas selesainya masalah yang dihadapi oleh watak.

#### Bentuk Naratif

Bentuk naratif ialah bentuk penceritaan yang digunakan dalam menulis sesuatu cerita.

1. Menentukan sama ada cerita berlangsung mengikut kronologi atau tidak.
2. Menentukan penggunaan teknik penceritaan seperti imbas kembali, imbas muka, dan lain-lain.
3. Memastikan wujudnya kesinambungan antara peristiwa berdasarkan kesan dan akibat tindakan watak.

#### Gaya Bahasa

Gaya bahasa ialah stil penggunaan bahasa dalam proses menulis sesebuah cerita.

1. Menentukan jenis bahasa yang digunakan berdasarkan latar masa, latar tempat, dan latar masyarakat.
2. Memastikan penggunaan ayat yang ringkas, jelas, dan mudah difahami melalui dialog, situasi, dan aksi watak.
3. Memilih laras bahasa yang sesuai dengan tema cerita, jenis watak, dan tujuan dialog.

Rajah teknik menulis cerita.



### Cerah Minda

Naratif bermaksud cerita atau kisah tentang sesuatu peristiwa.

2.1.1 (iii) a, b, c

Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat

**Kerana Murni**

Baca skrip di bawah. Seterusnya, cuba perhatikan bahawa setiap bahagian yang bertanda dalam skrip boleh menjadi pencetus idea untuk menulis cerita pendek. Sila bincang bersama-sama rakan sekelas tentang idea yang diperoleh.

**TAJUK CERITA****SENARAI WATAK DAN PERWATAKAN****LATAR MASA DAN LATAR TEMPAT****KETERANGAN SITUASI****Kerana Murni****WATAK:**

Murni: Berbadan kurus dan berkulit putih. Seorang yang cantik, berani, pemaaf, dan penyayang. Berumur 14 tahun.

Budin: Kulit sawo matang, berpakaian selekeh dan mencolok mata, suka menganiayai binatang. Berumur 14 tahun. Badan sederhana dan tinggi.

Pak Isa: Lelaki tua berusia 60-an. Penyabar dan suka memberi nasihat. Berjalan menggunakan tongkat.

**BABAK 1****MASA:** Petang**TEMPAT:** Kawasan kampung, di tepi jalan.

Tirai dibuka. Bunyi kicau burung. Dalam masa yang sama azan asar sedang berkumandang. Pak Isa sedang berjalan perlahan menuju ke surau. Dia memakai baju teluk belanga dan berkain pelikat. Ketayap juga sudah dipakai. Ketika Pak Isa sedang berjalan sendirian, tiba-tiba kedengaran suara budak lelaki menjerit. Murni juga berlari sambil memegang anak kucing.

Rujuk video Kerana Murni.mp4.

Murni: (*Berlari sambil menoleh ke belakang lalu terlanggar Pak Isa*) Eh, alamak! Pak Isa. Maafkan saya. Saya tak sengaja.

Pak Isa: Aduh, sakitnya kaki Pak Isa!

Murni: (*Cemas*) Maafkan saya Pak Isa. Saya tidak berniat mencederakan Pak Isa.

Pak Isa: Tak mengapalah, nak. Sudah tertulis peristiwa ini akan terjadi. (*Masih membelek-belek kakinya yang tercedera. Sebaik melihat ke arah Murni, dia terkejut kerana keadaan Murni yang comot. Baju Murni juga koyak di sana sini. Mukanya lebam. Tangan kanannya memeluk seekor anak kucing*). Eh, kamu ni Murni kan?

Murni: Ya, Pak Isa. Saya Murni. Anak Cikgu Imran.

Pak Isa: Kenapa kamu jadi macam ni? Muka lebam, baju koyak. Kamu bergaduh ke? (*Kehairanan*).

*Ketika Murni ingin menceritakan perkara yang berlaku, datang pula Budin sambil menjerit-jerit.*

DIALOG

KETERANGAN  
SITUASI, AKSI  
DAN DIALOG

KETERANGAN  
AKSI



### Peluru Merdeka

Mari belajar menulis idea cerita berdasarkan cerita pendek “Peluru Merdeka” yang disampaikan oleh Mak Cik Kiah. Rujuk situasi yang diberi, seterusnya bahagikan kepada tiga bahagian asas cerita pendek, iaitu awal, tengah, dan akhir cerita. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan dan bentangkan.

Sarjan Isa baru merebahkan tubuhnya di dalam khemah. Begitu juga rakannya, Koperal Ahmad. Rakan-rakannya yang lain pula mengambil giliran berkawal di sempadan. Masa yang ada akan mereka gunakan sebaik-baiknya untuk berehat. Musim-musim perang begini, tenaga yang cukup amat diperlukan. Jika ada peluang untuk berehat, mereka harus manfaatkan sebaik-baiknya.


Sebaik sahaja mata Sarjan Isa terlelap, “dum, dum, dum.” Tiga kali bunyi dentuman bom dari jarak 100 meter dengan khemah Sarjan Isa dan rakannya berehat. Sarjan Isa bingkas bangun daripada pembarangan. Dicapainya senapang lalu terus berlari keluar mendapatkan rakan-rakannya yang lain. Bunyi tembakan bertalu-talu. Tentera Jepun sudah mengepung. Serangan datang dari semua penjuru. Sarjan Isa meniarap dan berlindung di sebalik benteng guni pasir. Matanya melilau. Membidik musuh. Sesekali, dia terlihat percikan api dari muncung senapang musuh, terus saja dia membala tembakan. Begitulah cara dia mencari musuh yang bersembunyi.

Tiba-tiba, dia terdengar jeritan. “Ah!” Koperal Ahmad rebah. Dada kirinya berdarah. Dia terkena tembakan. Sarjan Isa meminta rakannya yang lain melindunginya sementara dia cuba menarik Koperal Ahmad dari kawasan terbuka untuk mengelak daripada terus ditembak musuh. Koperal Ahmad mengerang kesakitan. Rakan-rakannya yang lain terus membala tembakan. Musuh terus mengepung mereka. Sarjan Isa memangku Koperal Ahmad di ribaannya. “Mengucap Mad, mengucap. Insya Allah kau akan selamat.” Sarjan Isa cuba menenangkan rakannya yang tercungap-cungap menahan sakit.

“Isa, aku rasa masa aku sudah sampai. Kau teruskanlah perjuangan ini.” jelas Koperal Ahmad dengan suara terputus-putus.

“Ya, Mad. Kau jangan bimbang. Aku akan teruskan perjuangan kita walaupun nyawa menjadi taruhan. Kau akan selamat sahabat. Bersabarlah. Bantuan akan tiba.” Sarjan Isa terus memeluk sahabatnya itu. Dia mendengar Koperal Ahmad mengucap, lalu terus diam. Jasadnya terkulai layu. Tidak disangka, sahabatnya yang baru saja berbaring bersama-sama telah pergi buat selama-lamanya.

Ketika pihak musuh semakin hampir dan berjaya menawan mereka, bantuan pun tiba. Pihak musuh berjaya ditewaskan. Pihak tentera Jepun akhirnya lari menyelamatkan diri.



Pak Isa kamu tak menyangka, peluru yang bertubi-tubi seperti sekawan layang-layang, membawa khabar duka buat dirinya.

Awal cerita?

Tengah cerita?

Akhir cerita?



Guru membagikan murid kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama membincangkan awal cerita, kumpulan kedua membincangkan tengah cerita, dan kumpulan ketiga membincangkan akhir cerita.

### Sahabat Sejati

Sila lengkapkan cerita pendek di bawah ini dalam buku latihan.

Mentari terik memancarkan cahayanya di celah-celah rimbun Hutan Lipur Sungai Congkak. Budin, Kevin Chia, dan Ranjit terus melangkah menuju ke bahagian paling atas bukit.

Mereka merancang untuk mandi di kawasan paling tinggi hutan lipur itu. Ini kerana mereka mendapat tahu bahawa kawasan paling atas hutan lipur itu merupakan tempat yang paling cantik, luas, dan selesa untuk mandi. Air terjunnya juga cantik di situ.

“Kevin .....!” teriak Budin menyuruh Kevin Chia mempercepat langkahnya. Budin mahu sampai cepat kerana tidak sabar untuk mandi. Badannya juga sudah mula kepanasan dan berpeluh kerana dibakar mentari. Budin melihat jam di tangannya. Hampir pukul 1:00 tengah hari. Budin tidak senang hati .....

“Eh, janganlah tarik tangan saya, sakit tau!” jerit Kevin Chia. “Kalau awak tak nak saya tarik, bergeraklah laju sikit,” balas Budin pula. Ranjit menggelengkan kepala melihat gelagat dua rakannya yang bertelagah itu.

Bedebuk! Bunyi seperti sesuatu benda besar terjatuh. Budin dan Ranjit yang sudah jauh di depan menoleh ke belakang. “Aduh, sakitnya kaki saya! .....” Kevin Chia memanggil kedua-dua rakannya agar membantunya. Dia tidak boleh bangun. Kakinya terseliuh. Lututnya berdarah.

Hari bertambah panas ..... Setelah dia sampai di tempat Kevin Chia terjatuh, dia terus memarahi Kevin Chia. “Awak ni kan Kevin, masalah betullah. Jalan lambat, lepas tu jatuh pula. Saya ni dah panas, nak mandi. Kalau awak asyik buat masalah, sampai ke malamlah kita akan terperangkap dalam hutan ni,” ..... memarahi Kevin Chia. Wajahnya ..... Melihat keadaan itu, Ranjit cuba memujuk Budin.

Budin memaafkan....., akhirnya mereka berdamai.



## Latih Minda

Selesaikan permainan di bawah dengan menjawab soalan yang diberi. Buat latihan ini dalam buku latihan.



<b>JUARA</b> 100	99	98	97	96	95	94	93	92	91
81	82	83	84	85	86	87	88	89	90
80	79	78	77	76	75	74	73	72	71
61	62	63	64	65	66	67	68	69	70
60	59	58	57	56	55	54	53	52	51
41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
40	39	38	37	36	35	34	33	32	31
21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
20	19	18	17	16	15	14	13	12	11
1 MULA	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Untuk menyelesaikan permainan di atas, sila jawab soalan di bawah. Setiap kali anda berjaya menjawab satu soalan, anda boleh meneruskan perjalanan mengikut jumlah tapak yang akan ditentukan di setiap bahagian soalan. Untuk mengetahui nombor soalan yang anda perlu jawab, rujuk ikon yang diberi.

- ★ 1. Apakah yang dimaksudkan dengan cerita pendek?  
Jika anda berjaya menjawab soalan ini dengan tepat, maju 10 tapak.
- ▽ 2. Kerangka cerita mengandungi awal cerita, .....  
Jika anda berjaya menjawab soalan ini, maju 25 tapak.
- ✗ 3. Pada fasa pertengahan cerita, apakah kriteria yang perlu dimasukkan oleh penulis?  
Jika anda berjaya menjawab soalan ini, maju 30 tapak.
- !  
4. Terangkan lima peringkat yang harus ada dalam binaan plot.  
Jika anda berjaya menjawab soalan ini, maju 10 tapak.
- ◆ 5. Jelaskan maksud plot.  
Jika anda berjaya menjawab soalan ini, maju hingga ke garisan penamat.

**NOTA TAMBAHAN:** Jika anda gagal menjawab soalan diberi, kembali ke tapak terakhir anda berada. Anda dikehendaki menjawab satu soalan kuiz yang disediakan oleh guru atau rakan anda jika ingin bergerak semula ke tapak soalan yang anda gagal jawab. Jawab semula soalan tersebut.

Kesimpulannya, proses menulis sesebuah cerita pendek haruslah sistematik, tersusun serta dikembangkan berdasarkan sebab dan akibat melalui dialog, aksi, dan situasi watak. Cerita pendek dibangunkan daripada idea dan dikembangkan berdasarkan pembinaan cerita. Penulis mestilah menguasai teknik menulis, iaitu plot, bentuk naratif, dan gaya bahasa. Cerita pendek yang berkualiti mestilah mengandungi nilai, mesej, dan pengajaran.



## Anjakan Minda

1. Nyatakan lima peringkat plot dalam sesebuah cerita pendek.
2. Apakah maksud konflik dalam plot cerita pendek?
3. Jelaskan elemen yang perlu ada dalam sesebuah cerita.
4. Jelaskan maksud jalan cerita.
5. Jelaskan maksud idea cerita.
6. Nyatakan tiga peringkat dalam pembinaan cerita.
7. Pada pendapat anda, apakah faedah belajar menulis cerita pendek?
8. Pada pendapat anda, sekiranya sesebuah cerita yang ditulis tidak mempunyai konflik, apakah yang akan terjadi kepada cerita pendek itu?
9. Tulis sebuah cerita pendek yang bertemakan semangat patriotisme. Panjang cerita anda mestilah tidak lebih daripada 150 patah perkataan.
10. Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memupuk sikap suka menulis cerita pendek dalam kalangan remaja zaman ini.

# UNIT 6

# Kostum dan Tatarias

## 6.1 Pengenalan Sinografi

Sinografi merupakan istilah yang digunakan sebagai mewakili keseluruhan bentuk seni visual yang dapat dilihat dalam sesebuah produksi teater seperti kostum, tatarias, tatacahaya, tatabunyi, kesan khas, set, dan *props* dalam persembahan teater.



Peta buih: Pengenalan sinografi.



### Cerah Minda

#### SET

Rekaan ruang dalaman atau luaran berdasarkan kehendak skrip. Contohnya ruang tamu atau halaman rumah.

#### PROPS

Peralatan yang digunakan oleh pelakon dan dekorasi yang dibuat sebagai hiasan. Contohnya surat khabar, cawan, pinggan mangkuk, lukisan yang digantung di dinding, dan sebagainya.

#### TATACAHAYA

Pencahayaan yang direka adalah untuk menampakkan wajah pelakon dan menumpukan kepada ruang lakon. Tatacahaya juga akan menunjukkan masa, waktu, dan mood persekitaran.

#### TATABUNYI

Audio atau kesan bunyi yang memberikan kesan persekitaran seperti suara burung, bunyi ombak, letusan, ketukan pintu, dan sebagainya. Tatabunyi juga melibatkan elemen muzikal dalam produksi teater.

### Cerah Minda

#### KOSTUM

Pakaian yang digunakan oleh pelakon yang bersesuaian dengan watak dan stil persembahan.

#### TATARIAS

Solekan yang bersesuaian dengan watak dan perwatakan. Aksesori yang digunakan oleh watak seperti rantai leher, cincin, dan rambut palsu juga dianggap sebagai sebahagian daripada tatarias.

Pembelajaran tentang kostum dan tatarias akan dirincikan dalam halaman selanjutnya.

#### OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat:

- menghasilkan reka bentuk kostum;
- mengenal pasti solekan asas; dan
- mengaplikasikan solekan berwatak.


Rujuk video kostum.mp4.

3.1

83


## 6.1.1 Elemen Rekaan

Terdapat lima elemen rekaan yang penting dalam mempengaruhi bentuk sesuatu rekaan seni visual di pentas.




### GARISAN

Garisan merupakan titik yang dicantumkan pada satu titik ke satu titik yang lain. Terdapat pelbagai jenis garisan yang akan menghasilkan kesan imej yang berbeza-beza.




PERSPEKTIF



### BENTUK

Bentuk merupakan objek yang mempunyai keluasan, ketinggian, unsur jisim, dan mempunyai lebih daripada satu permukaan.



### POSISSI

Posisi merupakan kedudukan sesuatu objek yang mencipta aras dan ruang tertentu.



### TEKSTUR

Tekstur merupakan jalinan corak dalam pelbagai bentuk sama ada yang halus, sederhana atau kasar.

### WARNA

Warna merupakan cahaya yang dipantulkan. Warna boleh dibahagikan kepada warna asas (primer) dan warna campuran (sekunder).

## 6.1.2 Prinsip Rekaan

Terdapat enam prinsip rekaan yang perlu difahami oleh seseorang pereka. Prinsip rekaan diaplikasikan ketika membuat gambaran tertentu dalam susun atur di atas pentas.

### KEPELBAGAIAN

Gabungan pelbagai gaya, nilai, dan idea yang berbeza dalam sesuatu gubahan susun atur di atas pentas.



### HARMONI

Kesesuaian dan keseimbangan unsur seni dalam susun atur di atas pentas.




### IMBANGAN

Membentuk kesamaan dan kesepadan berdasarkan tumpuan susun atur di atas pentas.



### PENEGASAN

Sesuatu unsur yang menyerlah, berbeza atau ganjil dalam susun atur di atas pentas.



### KESATUAN

Tema atau idea yang dapat menimbulkan suasana yang tenteram, teratur dan selesa dalam susun atur di atas pentas.



### KONTRA

Bertujuan untuk menarik perhatian, memberi fokus, dan mengelakkan kebosanan.



### 6.1.3 Proses Kerja Pereka Kostum dan Tatarias



#### ANALISIS SKRIP

Pereka kostum dan tatarias perlu membuat analisis skrip berdasarkan watak dan perwatakan, latar tempat, latar masa, dan latar masyarakat.



#### BERBINCANG DENGAN PENGARAH

Pereka kostum dan tatarias perlu berbincang dengan pengarah tentang idea persembahan.



#### KENAL PASTI WARNA DAN KOMPOSISI

Pereka kostum dan tatarias perlu memilih warna dan komposisi yang sesuai dengan watak dan perwatakan serta latar.



#### TAHU BILANGAN DAN SAIZ FIZIKAL PELAKON

Pereka kostum dan tatarias mesti mengetahui bilangan pelakon dan saiz fizikal individu yang terlibat dalam persembahan.

## 6.2 Kostum

Pakaian yang dipakai oleh pelakon di atas pentas disebut sebagai kostum. Kostum akan memberikan gambaran tentang psikologi, status sosial, dan keadaan emosi sesuatu watak. Kostum direka bertujuan untuk menyokong watak dan perwatakan seseorang pelakon serta memberi kesimbangan komposisi visual melalui warna, tekstur, dan figura watak. Salah satu kaedah rekaan adalah melalui teknik kolaj.

### 6.2.1 Kolaj

Kolaj ialah cara membuat gambar daripada pelbagai jenis bahan seperti cebisan kertas, cebisan kain, gambar foto, dan sebagainya yang dicantum-cantumkan dan dilekatkan pada sesuatu permukaan kertas.



1. Cari gambar dalam majalah atau akhbar.



2. Kenal pasti gambar yang sesuai untuk dipilih.



3. Gambar yang telah dipilih digunting dengan kemas.



4. Tampal gambar setiap watak yang telah digunting pada kertas A4 yang berbeza mengikut watak.



5. Setiap kertas A4 mewakili setiap watak yang dipilih.



3.1.1 (i)

**Idea Reka**

Sila lakukan aktiviti Idea Reka berdasarkan skrip "Kerana Murni" (rujuk halaman 76 dan 77). Kenal pasti watak dan perwatakan, latar tempat, latar masa, set, dan *props* untuk mendapatkan idea rekaan kostum. Setelah anda kenal pasti watak dan perwatakan, latar tempat, latar masa, set, dan *props* tersebut, sila bincangkan dalam kumpulan, kemudian buat pembentangan secara lisan.

**Kerana Murni****WATAK:**

Murni: Berbadan kurus dan berkulit putih. Seorang yang cantik, berani, pemaaf, dan penyayang. Berumur 14 tahun.

Budin: Kulit sawo matang, berpakaian selekeh dan mencolok mata, suka menganiayai binatang. Berumur 14 tahun. Badan sederhana dan tinggi.

Pak Isa: Lelaki tua berusia 60-an. Penyabar dan suka memberi nasihat. Berjalan menggunakan tongkat.

**BABAK 1**

MASA: Petang

TEMPAT: Kawasan kampung, di tepi jalan.

*Tirai dibuka. Bunyi kicau burung. Dalam masa yang sama azan asar sedang berkumandang. Pak Isa sedang berjalan perlahan menuju ke surau. Dia memakai baju teluk belanga dan berkain pelikat. Ketayap juga sudah dipakai. Ketika Pak Isa sedang berjalan sendirian, tiba-tiba kedengaran suara budak lelaki menjerit. Murni juga berlari sambil memegang anak kucing.*

**BERI PERHATIAN PADA:**

1

WATAK DAN PERWATAKAN

2

LATAR TEMPAT

3

LATAR MASA

4

SET

5

PROPS

**Cerah Minda**

Apabila membaca skrip harus ada kefahaman secara kreatif melalui imaginasi.



### Cipta Kostum

Adakah anda sudah memahami tentang topik ini? Jika ya, mari selesaikan aktiviti ini.

#### Contoh kostum Budin

Baju yang lusuh menunjukkan Budin daripada keluarga yang sederhana. Dia suka membuli binatang.

Seluar pendek yang kotor sangat sesuai dengan watak Budin kerana dia seorang yang aktif dan agresif.



Sila lukiskan kostum watak Pak Isa berdasarkan skrip “Kerana Murni” (rujuk halaman 76 dan 77) dan beri keterangan tentang rekaan anda.



### Cerah Minda

Kostum perlulah selesa dipakai oleh pelakon agar dapat bergerak dan melahirkan watak dan perwatakan dengan sempurna. Penggunaan jenis tekstil dan tekstur juga boleh mempengaruhi watak pelakon. Perlu dimaklumi bahawa jenis kain dan warna yang dipancarkan dengan pencahayaan akan mengubah warnanya.

### **Padanan Kostum**

Anda masih memerlukan bimbingan tentang topik ini? Jika ya, mari selesaikan latihan berpandu ini.

- Cari dan guntingkan gambar kostum yang terdapat dalam majalah atau akhbar.
- Gambar kostum yang dipilih hendaklah berdasarkan watak Pak Isa berdasarkan skrip “Kerana Murni” (rujuk halaman 76 dan 77).
- Dengan menggunakan teknik kolaj, tampal gambar tersebut pada buku latihan.



### **Ciri-ciri watak Pak Isa**

- Lelaki tua berusia 60-an.
- Bersifat penyabar dan suka memberi nasihat.
- Berjalan menggunakan tongkat.

(Sumber berdasarkan skrip “Kerana Murni” pada halaman 76 dan 77.)

### **Aktiviti kumpulan**

Untuk mempertingkatkan lagi kefahaman anda tentang padanan kostum watak, sila cari maklumat dalam akhbar dan majalah tentang kostum yang sesuai dengan watak Murni dengan menggunakan teknik kolaj. Setelah mendapat maklumat tersebut sila berbincang dalam kumpulan untuk membuat lakaran kostum Murni.

(Sumber berdasarkan skrip “Kerana Murni” pada halaman 76 dan 77.)



Guru mengarahkan murid melukis figura Pak Isa dan padankan kostum yang sesuai hasil penggunaan teknik kolaj.

## 6.3 Tatarias

Tatarias merupakan kaedah untuk mengubah rupa atau wajah pelakon sesuai dengan wataknya. Tatarias pada seni persembahan diperlukan untuk menggambarkan atau menentukan watak dan umur dengan penggunaan bahan-bahan kosmetik yang sesuai berdasarkan suasana yang wajar. Aksesori dalam tatarias digunakan untuk menjelaskan perwatakan.

### 6.3.1 Kenali Alat Solek

Penggunaan alat solek dalam solekan persembahan perlu mengikut urutan kegunaannya. Mari kita mengenali alat solek seperti di bawah:



1

#### Krim asas “stick” dan cecair

Digunakan sebagai asas solekan, menghilangkan kesan muka yang berminyak, dan seterusnya memudahkan solekan.



2

#### Bedak padat

Digunakan untuk memurnikan kesan bedak asas.



3

#### Bedak debu


Penggunaannya bertujuan untuk meratakan tekstur asas supaya lebih kemas.



4

#### Pembayang mata

Mewarnakan kelopak mata supaya tampil dengan warna yang bersesuaian dengan watak.



5

#### Pensel celak

Digunakan untuk membentuk dan memberikan kesan tebal pada alis mata.



6

#### Pensel liner mata

Digunakan untuk membuat alis mata atau lakaran bingkai mata melalui calitan tebal atau nipis. Alat ini juga berfungsi untuk membundarkan mata.



7

**Maskara**

Digunakan sebagai pewarna bulu mata dan melentikkan bulu mata.



8

**Pemerah pipi**

Digunakan sebagai pembayang terutama pada tulang pipi agar wajah nampak lebih segar.



9

**Pensel liner bibir**

Digunakan untuk melakar bingkai bibir sebelum disapu pewarna bibir.



10

**Pewarna bibir**

Berfungsi memberikan warna pada bibir mengikut kesesuaian watak.



11

**Bulu mata palsu**

Bulu mata tiruan ini berfungsi untuk menjadikan mata lebih cantik. Hanya digunakan untuk watak yang sesuai.



12

**Set berus solekan**

Berus solekan digunakan untuk menyapu bahan solekan pada wajah agar solekan lebih teliti dan kemas.



13

**Span gebu**

Berfungsi untuk menyapu bedak debu pada wajah.



14

**Span solekan**

Berfungsi untuk meratakan bedak asas.



3.1.1 (ii)

Guru diminta memberikan penerangan tentang kegunaan alat solek kepada murid secara perbincangan. Rujuk dalam video solekan asas.mp4.

### 6.3.2 Solekan Asas

Solekan asas merupakan proses solekan peringkat awal bagi setiap watak.



Sapukan krim asas (*foundation*) pada muka selepas membersihkannya dengan pembersih muka. Kemudian ratakan bedak asas dengan rapi. Sapukan bedak debu dengan ton warna yang bersesuaian.



Sapukan pembayang mata (*eye shadow*) yang sesuai dengan ton warna kulit. Kemudian gunakan pensel liner mata (*eyeliner*) untuk menyerlahkan kelopak mata. Kening dilukis menggunakan pensel celak.



Gunakan maskara untuk melebatkan bulu mata. Kemudian sapukan pemerah pipi.



Akhirnya, inilah hasil solekan asas.


Rujuk video solekan asas.mp4



Gunakan pensel liner bibir (*lip liner*) untuk membentuk bingkai bibir, dan kemudian pewarna bibir untuk menyerlahkan bibir.

### 6.3.3 Solekan Berwatak

Solekan berwatak merupakan proses solekan bagi watak-watak secara khusus. Sebagai contoh, watak seorang perempuan tua.



Sapu dan ratakan krim asas (*foundation*) pada muka. Kemudian gunakan pensel celak untuk menggariskan kedutan pada muka.



Fokus pada kedutan mata kemudian lengkapkan garisan-garisan kedutan pada bahagian hidung kanan dan kiri. Lukiskan garisan di bahagian mulut dan dagu.



Sapukan ton warna yang gelap untuk menimbulkan rangka muka. Tambahkan ton yang cerah sedikit pada bahagian bawah kedutan untuk menimbulkan garisan.



Akhirnya, inilah hasil solekan berwatak orang tua.

Tambahkan ton yang cerah pada keseluruhan garisan di muka. Gosokkan pewarna pada gigi untuk memberikan kesan gigi rosak.

Rujuk video solekan berwatak.mp4



### Lakar Watak

Untuk anda lebih faham tentang topik ini, mari kita selesaikan aktiviti berikut. Sila warnakan figura wajah yang diberikan oleh guru dengan menggunakan peralatan seperti pensel warna atau alatan berwarna. Sumber gambar yang boleh dijadikan contoh adalah seperti wajah orang tua yang ada misai dan janggut atau wajah orang tua yang menunjukkan garisan-garisan kedutan. Kemudian bincangkan dalam bentuk kumpulan.




Figura wajah disediakan oleh guru. Wajah orang tua yang ada misai dan janggut.

Wajah orang tua yang menunjukkan garisan-garisan kedutan.

Anda diminta merujuk skrip "Kerana Murni" pada halaman 76 dan 77 dan menggunakan watak-watak yang terdapat dalam skrip tersebut. Lukis dan warnakan figura wajah Pak Isa, Budin dan Murni.



### Minda Bestari

#### Solekan Watak

Adakah anda sudah memahami tentang topik ini? Jika ya, mari selesaikan aktiviti ini. Sila bentuk beberapa kumpulan. Dengan menggunakan peralatan solekan yang disediakan, cuba buat solekan berwatak pada wajah rakan anda dengan pengawasan guru. Kemudian bincangkan.

#### Bahan dan peralatan yang diperlukan untuk solekan:

Krim asas solek, pembayang mata, pemerah pipi, pewarna bibir, celak, maskara, bulu mata palsu, bedak asas debu, bedak (basah atau kering), set berus solekan, span solekan, dan span gebu.



Guru hendaklah menyediakan kertas kosong yang ada figura wajah serta skrip "Kerana Murni" pada halaman 76 dan 77 untuk digunakan dalam aktiviti ini.



### Seri Wajah

Adakah anda memerlukan bimbingan lanjut tentang topik ini? Jika ya, mari selesaikan aktiviti ini. Sila buat solekan asas pada wajah rakan anda berpandukan rajah berikut:



### Tugasan

Sila hasilkan buku skrap tentang sinografi dalam teater. Buku ini perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. Muka depan
- b. Penghargaan
- c. Kandungan
- d. Sinopsis skrip
- e. Watak dan perwatakan
- f. Kolaj kostum dan tatarias
- g. Rekaan kostum
- h. Rekaan tatarias
- i. Kesimpulan
- j. Rujukan
- k. Lampiran



## Latih Minda

Sila isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Buat latihan ini dalam buku latihan.

1. Jurusolek menggunakan ..... untuk melukis garis kedutan pada muka.

2. Aksesori digunakan untuk ..... watak.

3. Kostum yang dipakai oleh watak ini menggambarkan beliau seorang .....

4. Kain songket yang dipakai oleh watak mempunyai ..... yang menarik.

5. Kostum ini mempunyai ..... dan ..... yang baik.



### AKTIVITI KUMPULAN

Bentuk beberapa kumpulan yang terdiri daripada empat orang setiap kumpulan. Setiap kumpulan diminta menyediakan buku skrap tentang sinografi dalam teater, terutamanya yang berkaitan dengan kostum dan tatarias pelbagai watak. Gunakan kaedah penyediaan buku skrap berdasarkan contoh pada halaman 96.



## Rumusan

Bidang sinografi mewujudkan nilai kekaguman dalam sesebuah persembahan teater. Terdapat beberapa elemen dalam sinografi, iaitu kostum, tatarias, set, *props*, tatacahaya, tatabunyi, dan kesan khas. Murid-murid telah mempelajari dan memahami elemen kostum dan tatarias dalam sinografi. Kostum sebagai rekaan pakaian untuk watak dan perwatakan. Tatarias pula sebagai kaedah untuk menggambarkan watak dan umur serta aksesori untuk memperjelas perwatakan. Secara rumusannya, murid-murid mendapat manfaat daripada bidang ini bagi meningkatkan kreativiti serta imaginasi mereka secara teratur tentang kostum dan tatarias.



### Anjakan Minda

1. Huraikan kepentingan sinografi dalam persembahan teater.
2. Jelaskan kerjaya dalam bidang sinografi.
3. Jelaskan definisi sinografi.
4. Huraikan proses rekaan kostum dalam sinografi.
5. Jelaskan prinsip rekaan dalam sinografi.
6. Apakah yang dimaksudkan dengan analisis skrip?
7. Jelaskan kenapa kostum perlu selesa dipakai oleh pelakon?
8. Jelaskan definisi solekan berwatak.
9. Kolaj dan idea merupakan proses dalam rekaan sinografi. Huraikan.
10. Nyatakan bahan dan peralatan yang diperlukan untuk solekan.

# UNIT 7

# Apresiasi Teater

## 7.1 Pengenalan

Apresiasi bermaksud memahami, menikmati, menilai, atau menghargai sesuatu karya yang dipersembahkan. Teater pula bermaksud seni pentas yang memerlukan ruang lakon, pelakon, dan gabungan pelbagai seni lain yang dinikmati secara kolektif. Maka, apresiasi teater merupakan penghargaan atau penilaian terhadap persembahan seni pentas dalam pelbagai aspek yang menimbulkan kesan positif. Sebagai asas memahami apresiasi teater dalam unit ini, tiga aspek akan dijadikan asas apresiasi, iaitu jalan cerita, watak dan perwatakan, serta mesej dan pengajaran.



### Cerah Minda

Drama ialah karya berbentuk skrip yang lengkap dengan aspek strukturnya yang dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio, atau televisyen.

Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat

### OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat:


- membuat ulasan terhadap persembahan teater yang ditonton meliputi aspek berikut:
  - jalan cerita
  - watak dan perwatakan
  - mesej dan pengajaran

4.1

## 7.2

## Jalan Cerita

Jalan cerita bermaksud idea cerita dari awal, tengah, hingga ke akhir cerita. Jalan cerita dalam drama pentas terbina berdasarkan lima peringkat utama. Dengan menggunakan naskhah drama “Kerana Murni” sebagai sumber cerita, sila lihat rajah struktur dramatik di bawah untuk lebih memahami tentang jalan cerita.



### PERKEMBANGAN

Pak Isa terkejut melihat Murni berpakaian comot dan tercedera. Pak Isa bertanya mengapa Murni berpakaian comot dan tercedera. Murni memberitahu dia menyelamatkan kucing yang didera oleh Budin, lalu Budin memukulnya. Dia lari daripada Budin untuk menyelamatkan diri.




### PERMULAAN

Murni lari daripada Budin lalu terlanggar Pak Isa. Murni meminta maaf daripada Pak Isa atas kecuaiannya. Pakaian Murni ketika itu dalam keadaan comot.

### KONFLIK

Budin yang mengejar Murni terus menuntut kucing daripada Murni. Murni enggan menyerahkan kucing itu kerana tidak mahu Budin menganiayai kucing itu. Pak Isa menasihati Budin tapi tidak diendahkan oleh Budin.



### Cerah Minda

Jalan cerita boleh menjadi plot.  
Sila rujuk halaman 75.

Rajah struktur dramatik.



## Cerah Minda

Struktur dramatik merupakan bahagian-bahagian plot yang berfungsi sebagai kesatuan peristiwa. Struktur dramatik ini dikenali sebagai Piramid Freytag. Gustav Freytag (1863) menggambarkan struktur dramatiknya mengikuti elemen-elemen kesatuan peristiwa tersebut.

Sumber Internet: <http://pengertianadalahdefinisi.blogspot.my/2013/09/struktur-dramatik-dalam-teater.html?m=1>

### KLIMAKS/PUNCAK

Budin ingin merampas kucing daripada Murni, namun kakinya terpajak paku. Murni membalut luka di kaki Budin. Budin mula rasa bersalah dan malu dengan Murni.

### PELERAIAN

Pak Isa dan Murni menghantar Budin pulang ke rumah. Pak Isa menasihati Budin. Budin menyesal dengan perbuatannya dan meminta maaf daripada Pak Isa dan Murni.

4.1.1 (i) a

### 7.3 Watak dan Perwatakan

Watak ialah pelaku dalam sesebuah persembahan teater. Perwatakan pula ialah sikap, pemikiran, dan ciri-ciri fizikal bagi watak. Watak dan perwatakan dalam persembahan teater terbahagi kepada dua, iaitu watak protagonis dan watak antagonis.



Sumber foto: Persembahan Teater Perdana "Sandera" pada 19 Jun 2014 di Dewan Bahasa dan Pustaka.

4.1.1 (i) b

## 7.4 Mesej dan Pengajaran

### Mesej

Pemikiran yang hendak disampaikan dalam sesebuah persembahan teater dengan tujuan mendidik manusia agar menjadi lebih baik. Dalam persembahan teater, mesej disampaikan secara tersurat dan tersirat melalui situasi, aksi, dan dialog.

### Pengajaran

Pengajaran bermaksud peringatan yang boleh diteladani daripada sesuatu peristiwa atau tindakan pelakon. Pengajaran boleh diperoleh melalui aksi, dialog, situasi, dan keseluruhan persembahan.



Sumberfoto: Persembahan teater kanak-kanak "Lumba Lagi" yang dipentaskan pada 18 hingga 20 September 2015 di Auditorium, Dewan Bahasa dan Pustaka.

4.1.1 (i) c

## 7.5

## Cara Menulis Ulasan Persembahan Teater

Penulisan ulasan persembahan teater berdasarkan jalan cerita, watak dan perwatakan, serta mesej dan pengajaran bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada murid tentang penghayatan teater yang ditonton. Kaedah penulisan ulasan adalah seperti yang berikut:

BIL.	PERKARA	ISI KANDUNGAN
1.	Pendahuluan	1.1 Menyatakan tajuk teater yang ditonton. 1.2 Menyatakan tujuan teater tersebut ditonton. 1.3 Menyatakan tema keseluruhan persembahan.
2.	Perenggan Isi Pertama	2.1 Menyatakan jalan cerita dari awal hingga akhir. 2.2 Huraian ditulis secara ringkas.
3.	Perenggan Isi Kedua	3.1 Menjelaskan watak dan perwatakan dalam teater yang ditonton.
4.	Perenggan Isi Ketiga	4.1 Menghuraikan mesej dan pengajaran yang terdapat dalam persembahan yang ditonton.
5.	Perenggan Penutup/ Kesimpulan	5.1 Menyatakan pendapat sendiri tentang persembahan tersebut.

### Cerah Minda

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ulasan ialah huraian, kupasan, atau tafsiran tentang sesuatu. Maka, ulasan persembahan teater ialah huraian, kupasan, atau tafsiran tentang persembahan teater berkenaan.

**Bincang Teater**

Anda dikehendaki menonton persembahan teater. Seterusnya, buat ulasan umum tentang persembahan tersebut secara perbincangan.



*Sumber foto: Penonton persembahan teater muzikal “Saturday Night Fever” pada 4 September 2015 di Istana Budaya, Kuala Lumpur.*

Setelah selesai menonton persembahan teater tersebut, bentuk tiga kumpulan. Bahagikan tiga kumpulan tersebut seperti berikut:

- A. Kumpulan pertama berbincang tentang jalan cerita.
- B. Kumpulan kedua berbincang tentang watak dan perwatakan.
- C. Kumpulan ketiga berbincang tentang mesej dan pengajaran.

Selesai berbincang sekitar 20 minit, setiap kumpulan membuat pembentangan dalam masa lima minit.

Rujuk video Gelanggang Tok Wali.mp4





### Kaji Teater

Tonton persembahan teater. Seterusnya, sila tulis ulasan tentang persembahan teater tersebut merangkumi aspek yang berikut:

- jalan cerita
- watak dan perwatakan
- mesej dan pengajaran

Ulasan anda mestilah tidak kurang daripada 100 patah perkataan.

Sila rujuk TEKNIK MENULIS ULASAN.

Sebagai hasil aktiviti kaji teater, semua ulasan yang dihasilkan dijadikan satu kompilasi.



*Sumber foto: Persembahan Teater Perdana "Sandera" pada 19 Jun 2014 di Dewan Bahasa dan Pustaka.*



Pastikan guru mengarahkan murid membuat kompilasi ulasan tentang persembahan teater yang ditonton.



### Faham Teater

Sekiranya anda tidak dapat membuat ulasan berdasarkan teater yang telah ditonton dengan 100 patah perkataan, mari buat ulasan berdasarkan format berpandu seperti di bawah:

#### 1. Perenggan Pendahuluan

Saya telah menonton persembahan teater bertajuk .....

#### 2. Perenggan Isi

Dari segi jalan cerita, permulaannya ialah .....

#### 3. Perenggan Isi

Pada pertengahan cerita, peristiwa yang berlaku ialah .....

#### 4. Perenggan Isi

Pada akhir cerita, berlakunya peristiwa .....

#### 5. Perenggan Isi

Dari segi watak dan perwatakan pula, .....

#### 6. Perenggan Isi

Mesej dan pengajaran dalam cerita ini ialah .....

#### 7. Perenggan Penutup

Secara keseluruhannya, cerita ini bertemakan .....

#### 8. Kesimpulan

Saya berpendapat cerita ini .....



## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.

Apa kata cendekiawan? Fahami perwatakan anda dengan menjawab soalan yang diberi. Jika anda berjaya menjawab setiap soalan dengan betul, maka perwatakan anda adalah seperti yang diperkatakan oleh cendekiawan dalam setiap keterangan perwatakan yang disediakan pada setiap bahagian soalan.

1. Apakah maksud jalan cerita?



Orang yang berjaya menjawab soalan pertama merupakan seorang yang mempunyai daya ingatan yang kuat dan mempunyai daya fokus yang baik dalam pelajaran.

2. Nyatakan tiga fungsi mesej dan pengajaran dalam sesebuah cerita.



Orang yang berjaya menjawab soalan kedua merupakan seorang yang berfikiran kreatif serta mampu berdiskiri. Orang ini juga mampu menyelesaikan masalah dalam kehidupannya.

3. “Jangan lawan cakap ibu bapa.” Dialog ini mengandungi mesej.... .



Orang yang berjaya menjawab soalan ketiga mempunyai daya pemikiran kritis yang sangat hebat serta berani bersaing dalam kehidupan sebenar.

4. Jelaskan maksud perwatakan.



Orang yang berjaya menjawab soalan keempat merupakan seorang yang rajin, patuh arahan guru, dan menghargai ilmu pengetahuan yang dipelajarinya.

5. Watak utama dikenali sebagai watak... .



Orang yang berjaya menjawab soalan kelima merupakan seorang yang suka belajar, pandai mengumpul maklumat, dan rajin dalam setiap perkara.

# UNIT 8

# Apresiasi Teater Tradisional Bangsawan

## 8.1 Pengenalan

Bangsawan merupakan teater yang lengkap dengan elemen lakonan, muzik, tarian, dan nyanyian. Biasanya, teater bangsawan mengemukakan kisah-kisah istana.



Rajah contoh struktur teater tradisional bangsawan.



Sumberfoto: Persembahan Teater Bangsawan "Awang Kudis Buta" pada 8 hingga 15 Mei 2015 di Auditorium, DBKL.

### OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat:

- menyatakan ciri-ciri teater tradisional - bangsawan.




4.1

109

## 8.2 Ciri-Ciri Bangsawan

Teater bangsawan biasanya menggunakan pentas prosenium berbentuk bingkai gambar sebagai tempat persembahan. Teater bangsawan mempunyai ciri-cirinya tersendiri. Setiap babak mempunyai tirai latar (*backdrop*) untuk menggambarkan lokasi atau tempat dalam sesuatu babak. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang bangsawan, mari kita mengenali ciri-ciri bangsawan.

### 1. Ciri-ciri *Extra Turn*



### 2. Ciri-ciri Sinografi



### 3. Ciri-ciri Tasmat



#### Tasmat

Elemen kekaguman dalam persembahan. Contohnya naga, kesan terbakar, asap, terbang, dan lain-lain.

### 4. Ciri Watak Stok dan Lakonan *Stylized*



#### Lakonan *stylized*

Lakonan yang dilebih-lebihkan untuk melambangkan gaya lakonan teater.

#### Watak Stok

Watak tetap dalam setiap persembahan bangsawan seperti seri panggung, orang muda, pelawak, dan jin.


4.1.2 (i)



#### Cerah Minda

Dalam babak teater bangsawan, terdapat adegan-adegan kecil seperti adegan kepahlawanan, adegan kegembiraan, dan adegan kesedihan dengan menggunakan teknik tertentu. Contohnya, adegan kesedihan menggunakan teknik tarik nasib. Tarik nasib disebut juga sebagai bernasib. Bernasib ialah satu teknik yang digunakan dalam persembahan bangsawan untuk menggambarkan kekecewaan watak. Bernasib disampaikan secara berlagu dengan menggunakan irama asli.

## 5. Ciri-ciri Bahasa



### Teguh Minda

#### Tanda Bangsawan

Sila baca dialog puteri-puteri tersebut, bincangkan dan catatkan dalam buku latihan tentang ciri-ciri bangsawan dalam persembahan bangsawan yang anda tonton.



Rujuk video bangsawan.mp4.





### Kesatuan Tanda

Hasilkan sebuah buku skrap yang menerangkan ciri-ciri bangsawan berdasarkan persembahan bangsawan yang ditonton. Untuk memudahkan anda menghasilkan buku skrap, sila rujuk format yang disediakan di bawah:

#### FORMAT PENULISAN BUKU SKRAP

BIL.	PERKARA	CATATAN
1.	Muka Depan	Logo sekolah, maklumat murid, dan tajuk.
2.	Isi Kandungan	Menulis tajuk dan kandungan muka surat.
3.	Penghargaan	Menulis penghargaan untuk individu/pihak berkenaan.
4.	Pengenalan	Menulis secara ringkas tentang definisi teater bangsawan.
5.	Ciri-ciri Bangsawan	Menghuraikan ciri-ciri bangsawan yang terdapat dalam cerita yang ditonton.
6.	Kesimpulan	Menjelaskan kepentingan teater bangsawan terhadap diri, masyarakat, dan negara.
7.	Rujukan	Menulis senarai sumber rujukan daripada buku, majalah, jurnal, Internet, dan lain-lain.
8.	Lampiran	Meletakkan gambar persembahan, tiket, brosur, dan poster sebagai bukti keterlibatan dengan teater bangsawan.

#### CONTOH BUKU SKRAP



### Tahu Bangsawan

Kenyataan di bawah menerangkan ciri-ciri bangsawan. Sila tandakan (✓) jika betul dan tandakan (✗) jika salah.

Bil.	Situasi/Keterangan	Tanda
1.	Tarik nasib dinyanyikan ketika adegan sedih.	
2.	Watak stok perlu ada dalam bangsawan.	
3.	<i>Extra turn</i> dalam bangsawan haruslah menampilkan persembahan tarian sahaja.	
4.	Watak orang muda dan seri panggung mesti dipilih daripada pelakon yang mempunyai perwatakan fizikal yang menarik.	
5.	Kemunculan naga dalam persembahan bangsawan boleh dianggap sebagai elemen tasmat.	
6.	Watak raja mestilah menggunakan bahasa pasar apabila berbicara dengan rakyat.	
7.	Bahasa berirama tidak digunakan dalam persembahan bangsawan.	
8.	Seri panggung dalam bangsawan mestilah pandai menyanyi dan melakukan puisi tradisional seperti gurindam dan nazam.	
9.	Kebanyakan bangsawan mengisahkan tentang kehidupan raja-raja.	
10.	Lakonan dalam bangsawan haruslah menggunakan teknik <i>stylized</i> .	



## Latih Minda

Sila buat latihan ini dalam buku latihan.

Anda ditugaskan menyelamatkan seorang puteri yang ditawan. Untuk menyelesaikan misi ini, anda harus menjawab lima soalan dalam pengembalaan di bawah. Semoga berjaya.



Apakah maksud bangsawan?



Jelaskan ciri-ciri bangsawan.



Persembahan apa yang mengisi *extra turn*?



Apakah tugas tauke panggung dalam bangsawan?



Jelaskan faedah menyertai teater bangsawan.



Pembelajaran tentang bidang apresiasi bertujuan untuk mengetahui jalan cerita, watak dan perwatakan (protagonis dan antagonis), serta mesej dan pengajaran dalam teater. Pengetahuan ini dapat menyediakan murid ke arah pembentukan modal insan yang berfikiran kritis dan kreatif. Dalam masa yang sama, pemahaman tentang aspek struktur penceritaan berdasarkan plot dapat membantu meningkatkan daya penghayatan terhadap teater. Manakala pengetahuan tentang ciri-ciri bangsawan pula boleh menjadi panduan asas dalam persediaan untuk mempelajari konsep bangsawan yang lebih mendalam pada masa akan datang.



## Anjakan Minda

1. Apakah yang anda faham tentang watak dan perwatakan dalam drama?
2. Anda telah mempelajari teks drama KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu di sekolah. Berdasarkan naskhah drama yang telah anda kaji, sila tulis jalan cerita yang mengandungi permulaan cerita, pertengahan cerita, dan pengakhiran cerita. Tulis jawapan anda dalam bentuk ulasan ringkas.
3. Senaraikan watak stok dalam bangsawan.
4. Apakah peranan watak orang muda dalam persembahan bangsawan?
5. Pelakon utama dikenali sebagai watak apa?
6. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk menarik minat remaja masa kini terhadap bangsawan?
7. Pada pendapat anda, mengapa mesej dan pengajaran perlu diterapkan dalam sesebuah naskhah drama?
8. Sekiranya anda seorang penulis skrip drama, cerita yang bagaimakah yang akan anda tulis? Nyatakan sebabnya.
9. Tulis satu contoh dialog bahasa berirama dalam bangsawan.
10. Menurut pandangan anda, adakah seni teater di Malaysia benar-benar mampu menjadi salah satu wahana pendidikan? Bincangkan.

## GLOSARI

- Aksi
- Antagonis
- Apresiasi
- Artikulasi
- Artistik
- Blocking*
- Dialog
- Dramatik
- Emosi
- Etika
- Fizikal
- Fokus
- Imaginasi
- Improvisasi
- Intuisi
- Kolaj
- Komposisi
- Kreativiti
- Lakonan
- Letak tubuh
- Mental
- Naratif
- Olah tubuh
- Pelakon
- Pentas
- Permainan teater
- Perwatakan
- Plot
- Pola lantai
- Projeksi
- Prosenium
- Protagonis
- Psikologi
- Reaksi
- Ruang lakon
- Sebeng
- Seni visual
- Situasi
- Spontan
- Tasmat
- Teater
- Ujaran serima
- Ulasan
- Vokal
- Watak
- Watak stok
- Gerak laku watak atau tindakan sesuatu watak.
  - Watak yang menentang watak protagonis.
  - Penghayatan nilai terhadap sesuatu karya sastera atau karya seni.
  - Teknik mengeluarkan suara dengan ucapan yang jelas dan tepat.
  - Nilai-nilai seni.
  - Kedudukan pelakon semasa beraksi di atas pentas.
  - Kata bual yang disampaikan oleh watak.
  - Kesan yang menarik dari segi lakonan dan unsur teater yang lain.
  - Perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, dan sebagainya.
  - Sistem nilai peribadi atau prinsip moral.
  - Berhubungan dengan tubuh dan anggota.
  - Tumpuan.
  - Kemampuan menggambarkan sesuatu melalui khayalan dalam proses mencipta idea.
  - Aktiviti lakonan secara spontan tanpa menggunakan skrip.
  - Kemampuan untuk mengetahui peristiwa yang akan terjadi.
  - Teknik atau cara membuat gambar daripada pelbagai jenis bahan seperti cebisan kertas, cebisan kain, gambar foto, dan sebagainya yang dicantum-cantumkan dan dilekatkan pada sesuatu permukaan kertas kosong.
  - Campuran atau gabungan bahan untuk membentuk sesuatu bahan lain.
  - Kemampuan dan kebolehan mencipta sesuatu.
  - Aksi yang melibatkan watak dan perwatakan.
  - Kedudukan tubuh pelakon di pentas.
  - Berkaitan dengan akal, pemikiran, atau proses intelektual.
  - Cerita atau kisah tentang peristiwa.
  - Latihan memanaskan badan dalam sesi latihan teater.
  - Suatu bentuk kerjaya atau individu yang mengambil peranan dalam persembahan.
  - Ruang lakonan.
  - Aktiviti dalam latihan teater.
  - Watak seseorang secara keseluruhan tentang sifat zahir dan batin yang merangkumi budi pekerti, tabiat, dan tingkah laku.
  - Jalinan sesuatu cerita atau alur cerita dari mula hingga akhir cerita.
  - Panduan untuk meletakkan kedudukan dan pergerakan pelakon di atas pentas.
  - Lontaran suara.
  - Bentuk pentas seperti bingkai gambar.
  - Watak utama dalam sesuatu cerita.
  - Ilmu mengenai jiwa atau pemikiran manusia.
  - Gerakan atau aksi yang lahir kerana sesuatu pengaruh.
  - Kawasan yang digunakan oleh pelakon untuk beraksi.
  - Tirai sisi di kiri dan kanan pentas.
  - Seni halus dan indah yang dapat dilihat pada garisan, warna, rupa, jalinan, bentuk, dan ruang.
  - Keadaan, kedudukan, atau suasana sesuatu perkara.
  - Tindakan serta-merta.
  - Elemen kekaguman dalam persembahan bangsawan.
  - Seni pentas yang memerlukan ruang lakon, pelakon, dan gabungan pelbagai seni lain yang dinikmati secara kolektif.
  - Latihan pengucapan menggunakan perkataan mempunyai rima akhir yang sama.
  - Huraian atau tafsiran tentang sesuatu.
  - Berkaitan dengan suara yang dilafazkan.
  - Peranan yang dibawa oleh pelakon.
  - Watak-watak yang terdapat dalam persembahan bangsawan.

## SENARAI RUJUKAN

### BUKU

- Abdul Samat Salleh, 2005. *Aspek Lakonan dalam Teater Bangsawan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Dr. H. Soediro Satoto, 2012. *Analisis Drama dan Teater*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Gillett, Christina Gutekunst dan John, 2014. *Voice Into Acting*. New York: Bloomsbury Publishing Plc.
- H. Soediro Satoto, 2012. *Analisis Drama dan Teater*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Hassanuddin W.S, 2009. *Drama Karya dalam Dua Dimensi*. Bandung: Percetakan Angkasa.
- Jim Patterson, *et al.*, 2009. *The Enjoyment Of Theatre*. Singapura: Allyn and Bacon.
- John Caird, 2010. *Theatre Craft*. London: Faber and Faber Limited.
- Mana Sikana, 2016. *Drama dalam Penskripan, Pementasan dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Azhari, 2009. *Manajeman Teater, Perencanaan dan Pementasan Drama/Teater di Perguruan Tinggi dan Sekolah Menengah*. Palembang: Penerbit Unsr.
- Paul Kassel, 2007. *Acting An Introduction To The Art And Craft Of Playing*. Boston: Pearson Education. Inc.
- Rendra, 2013. *Seni Drama Untuk Remaja*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Robert Barton, 2009. *Acting On Stage And Off*. Singapura: Thomson Learning Academic Resource Center.
- Robert Cohen, 2007. *Acting One*. Columbus OH: McGraw-Hill Education.
- Robert Cohen, 2013. *Theatre 10th Edition*. Columbus OH: McGraw-Hill Education.
- Siti Khariah Mohd. Zubir, 2016. *Pengajaran Komsas Berpusatkan Murid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shapiro, M, 2006. *An Actor Performs*. Los Angeles: Thomson Wadsworth.
- Swados, E. 2006 *Teaching Teenager Theatre*. New York: Faber and Faber Inc.

### INTERNET

- <http://s3cine.com/imitation-and-acting/>
- <http://www.stagemilk.com/acting-games/>
- <https://www.theatrefolk.com/freebies/vocal-exercises.pdf>
- <http://people.ict.usc.edu/~gratch/CSCI534/Readings/ACII-Handbook-GestureSyn.pdf>
- <https://www.youtube.com/watch?v=FNPW5MKZGdw>
- <http://www.erikseanmcgivern.com/writings/acting/blocking-and-movement/>
- <http://repository.um.edu.my/31796/1/05BujangSamsuddinATJ2013.pdf>
- <http://pengertianadalalahdefinisi.blogspot.my/2013/09/struktur-dramatik-dalam-teater.html?m=1>

## INDEKS

- Aksi 1, 2, 3, 6, 8, 24, 30, 41, 44, 70, 75, 77, 82, 103.
- Apresiasi 99, 116.
- Audio 7, 25, 28, 83.
- Bangsawan 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115.
- Blocking 55, 71.
- Dialog 32, 47, 60, 61, 64, 68, 75, 77, 82, 103, 112.
- Emosi 1, 7, 11, 19, 20, 22, 31, 71, 87.
- Etika 32, 63, 64, 66, 67, 70, 71.
- Fizikal 1, 4, 5, 6, 7, 8, 11, 19, 20, 31, 71, 114.
- Improvisasi 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 71, 72.
- Kostum 27, 65, 68, 69, 83, 86, 87, 89, 90, 97, 98.
- Lakon 1, 6, 29, 55, 56, 60, 61, 62, 65, 99.
- Mental 1, 5, 7, 19, 20, 22, 31, 71.
- Olah 5, 71.
- Pentas 55, 56, 57, 58, 61, 62, 84, 85, 110.
- Plot 73, 75, 81, 82, 100, 116.
- Sinografi 83, 98, 110.
- Tasmat 111, 114.
- Tatarias 27, 28, 68, 83, 86, 91, 96, 98.
- Vokal 1, 4, 6, 7, 11, 12, 13, 15, 18, 19, 31, 41, 44, 49, 71, 72.
- Watak 1, 4, 6, 7, 8, 11, 19, 20, 25, 26, 27, 28, 31, 35, 36, 49, 54, 60, 64, 65, 68, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 82, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 93, 94, 95, 97, 98, 99, 102, 104, 105, 106, 107, 108, 111, 114, 116.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

### Skim Pinjaman Buku Teks

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKUINI TIDAK BOLEH DIJUAL**